



Dalam kenangan...

YB Karpal Singh • 1940 - 2014

MS2

Atlet cemerlang dapat insentif MS21



Rampas objek halang parkir

MS 25



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>



PERCUMA

16 – 30 APRIL 2014

Penerima Program Emas perlu peka tarikh bayaran

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Sejumlah 90 peratus daripada 147,856 penerima sumbangan Program Penghargaan Warga Emas Fasa 1 tahun ini telah menuntut token masing-masing baru-baru ini.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, daripada jumlah keseluruhan, hanya 14,786 penerima yang belum menuntut sumbangan masing-masing dalam tempoh dua minggu ditetapkan, iaitu dari 8 Mac hingga 21 Mac lalu.

"Senarai nama mereka ini (baki penerima) akan dibawa ke tempoh bayaran Fasa 3 iaitu pada 8 September hingga 26 September ini yang mana mereka yang terlibat (warga emas) akan mengambilnya di pejabat daerah masing-masing.

"Semua penerima akan dimaklumkan melalui surat sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh bayaran," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Boon Poh dalam pada itu menasihati para penerima supaya peka dengan tarikh bayaran kerana terdapat kes 'tersalah pandang' tarikh bayaran dan juga tempat menuntut bayaran.

"Kita (Kerajaan Negeri) suka tekankan di sini bahawa tarikh bayaran adalah amat penting, sekiranya terlepas tarikh, nama penerima akan

dibawa ke hadapan dan bakal menyebabkan penerima menerima bayaran lambat," jelas beliau.

Berikut adalah Jadual Pembayaran

untuk Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal dan Skim Pelajar Emas bagi tahun 2014 :

Program Penghargaan Warga Emas	Tarikh Bayaran	Bayaran Melalui
Fasa 1 / 2014	8 Mac & 9 Mac hingga 21 Mac	Maybank
Fasa 2 / 2014	9 Jun hingga 27 Jun (kaunter khas pada 14 & 15 Jun)	Pejabat Daerah
Fasa 3 / 2014	8 September hingga 26 September	Pejabat Daerah

Program Bantuan Ibu Tunggal	Tarikh Bayaran	Bayaran Melalui
Fasa 1 / 2014	7 Jun & 8 Jun hingga 27 Jun	Pejabat Daerah
Fasa 2 / 2014	8 September hingga 26 September	Pejabat Daerah

Skim Pelajar Emas	Tarikh Bayaran	Bayaran Melalui
Fasa 1 / 2014	30 April	Pejabat Daerah
Fasa 2 / 2014	19 September	Pejabat Daerah

Jangan lupa jasa guru - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan semua pelajar supaya berterima kasih kepada guru-guru masing-masing dalam meniti kejayaan dalam kehidupan.

Katanya, guru merupakan sumber inspirasi yang penting kepada pelajar-pelajar di sekolah dalam mencapai kejayaan.

"Malah, guru juga boleh menjadi dorongan kepada murid-muridnya untuk terus belajar, justeru, jangan pernah lupa pada jasa guru," ucapnya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, seramai

63 pelajar yang memperoleh purata nilai gred keseluruhan (PNGK) 4.0 menerima sumbangan wang tunai bernilai RM600, sijil dan trofi sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada mereka.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Bagi Nur Liyana Othman, 20, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Balik Pulau yang dianugerahkan sebagai Pelajar Melayu Terbaik berasa gembira dengan pengiktirafan diterima sambil menyatakan bahawa beliau ingin menyambung pengajian dalam bidang Ijazah



SHAHIRAH Said.



NUR Liyana Othman.



ANG Xin Yun.

Sarjana Muda Pendidikan.

"Saya bercadang menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam pengambilan September ini kerana kakak saya juga seorang guru dan dari situ datangnya minat saya untuk menjelaki langkah beliau," katanya kepada Buletin Mutiara sejurus selepas majlis berkenaan di sini baru-baru ini.

Seorang lagi penerima, Shahirah Said, 20, yang

merupakan pelajar Sekolah

Menengah Kebangsaan Seri Muda turut memiliki cita-cita sama untuk menjadi seorang pendidik kerana beranggapan bahawa tugas sebagai guru merupakan satu pekerjaan mulia.

"Alasan saya hendak menjadi guru adalah kerana ingin melahirkan ramai lagi pelajar-pelajar cemerlang dan pandai demi masa depan negara," ujar anak sulung kepada seorang

nelayan di Kuala Muda, Kedah.

Bagi Ang Xin Yun, 20, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Empat, Seberang Perai Selatan (SPS) yang merupakan pelajar istimewa berhasrat untuk menyambung pengajian di USM dalam bidang pengurusan.

"Kecacatan yang saya alami langsung tidak menjadi batu penghalang untuk saya mencapai kejayaan dalam pembelajaran dan juga hidup," nyatanya ceria.



Dalam kenangan...

YB Karpal Singh • 1940 - 2014

Terima kasih YB - moga bersemadi dengan aman

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB & YAP LEE YING

GEORGE TOWN – Majlis Penghormatan Terakhir Kerajaan Negeri kepada Ahli Parlimen Bukit Gelugor, mendiang Karpal Singh di Dewan Sri Pinang di sini mula dibanjiri hadirin seawal jam 6 pagi dan dianggarkan meningkat ke angka 25,000 semasa perarakan menuju ke tapak Krematorium Batu Gantung menjelang tengah hari baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (Ahli Parlimen Permatang Pauh), dan Lim Kit Siang (Ahli Parlimen Gelang Patah, Johor), antara pemimpin yang hadir

merakamkan takziah kepada keluarga mendiang.

Itu, tidak termasuk kehadiran tidak putus-putus orang kenamaan dari serata negara yang hadir di rumah mendiang dekat Jalan Utama, Kebun Bungah sepanjang tiga hari.

Tinjauan mendapati, perarakan keluar mendiang dari Dewan Sri Pinang sedikit kelam kabut dan terlewat menjelang ke tengah hari, gara-gara orang awam terus berpusu-pusu masuk ke majlis bermakna itu.

Kemudian, ribuan hadirin mengiringi perarakan kenderaan jenazah di beberapa lokasi yang signifikan dengan peribadi ahli politik berpengaruh yang mendapat gelaran 'Harimau Jelutong' itu, seperti pejabatnya di Jalan Green Hall, Dewan

Undangan Negeri (DUN), Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan sekolah lamanya, St. Xavier Institution sebelum dibakar di Krematorium Batu Gantung di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya semasa Pengebumian Awam dikendalikan Negeri di Dewan Sri Pinang menyatakan bahawa selama 40 tahun, Saudara Karpal mendedikasi hidupnya kepada profesi undang-undang, berjuang untuk keadilan, mendukung hak asasi dan kebebasan yang terkandung dalam Perlembagaan. Kes-kes penting beliau kini menjadi rujukan untuk para peguam.

"Dengan pemergian beliau sebelum waktunya pada usia 74 tahun akibat kemalangan tragik pada 17 April 2014,

Pulau Pinang telah kehilangan seorang pemimpin dan peguam yang terhormat dan terunggul. Rakyat telah kehilangan seorang "harimau" yang berani dan mempunyai semangat waja yang membela mereka yang miskin, lemah, tidak mampu mempertahankan diri dan ditindas.

"Namun semangat perjuangannya paling menonjol. Meskipun Karpal ditahan secara fizikal, semangatnya tidak boleh ditahan. Saya telah menyaksikan ketabahannya dengan mata sendiri apabila kami ditahan tanpa bicara di bawah undang-undang yang sudah dimansuhkan iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 1988 di Kem Tahanan Kamunting. Beliau mengalami

kesengsaraan akibat kesakitan perit di tulang belakang tetapi tidak pernah menyerah kalah," ujarnya.

Guan Eng menambah, pemergian beliau (mendiang) akan meninggalkan kekosongan bukan sahaja dalam kehidupan keluarganya, tetapi juga kepada semua rakyat Malaysia, khususnya mereka yang mendapat inspirasi daripada perjuangan yang berteraskan prinsip.

"Marilah kita berkabung untuk Karpal Singh, tetapi pada masa yang sama menghormatinya dengan meraikan semua pencapaianya serta merealisasikan aspirasinya untuk keadilan, integriti dan kebebasan. Terima kasih Karpal – Moga disemadi dengan aman," ucap beliau sebak.

Keluarga terharu dan berterima kasih

GEORGE TOWN – Keluarga mendiang Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh melahirkan rasa terharu serta berterima kasih kepada semua pihak terlibat dalam upacara pengebumian penghormatan negeri (*state honour funeral*) mendiang yang lancar dan menerima kehadiran luar jangkaan 50,000 orang dari seluruh negara dalam tempoh tiga hari bermula Jumaat lalu di sini.

Luahan tersebut dinyatakan anak sulung mendiang, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada sidang akbar ringkas di sini baru-baru ini.

Katanya, beliau bagi pihak keluarga amat berterima kasih dengan segala pengaturan, pengurusan dan pengawalan bermula pada hari Khamis (17 April lalu) di Ipoh, Perak (Hospital Ipoh) hingga upacara penghormatan di Dewan Sri Pinang (20 April lalu) pihak-pihak terbabit.

"Terima kasih kepada YB Chow Kon Yeow selaku Pengurus Penyelaras Majlis Penghormatan, Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) Jeff Ooi (Ahli Parlimen Jelutong), PPS (Pasukan Peronda Sukarela), YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), ahli-ahli parti dan kehadiran umum di luar jangkaan.



ANWAR Ibrahim (depan, dua dari kanan) dan Lim Kit Siang (tiga dari kiri) antara pemimpin yang hadir memberi penghormatan terakhir.

"Juga terima kasih kepada kawan-kawan media. Saya memohon maaf sekiranya menyenggung perasaan kawan-kawan media ketika di Krematorium Batu Gantung.

"Ini kerana, ia adalah saat yang amat emosional bagi ahli keluarga dan terima kasih kerana memahami," ujarnya.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Gurmit Kaur (balu mendiang) serta ahli-ahli keluarga terdekat mendiang turut hadir pada sidang media itu.

Hadir sama, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer serta dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lee Chun Kit dan D.S. Harvinder Singh.

Dalam pada itu, Gurmit dalam nada sebak turut melahirkan penghargaan kepada semua pihak berwajib yang menguruskan majlis perhormatan terakhir kepada mendiang suaminya.



ORANG ramai yang turut mengiringi rombongan jenazah mendiang.

Kronologi karier mendiang Karpal

MENDIANG Karpal Singh, 74, dilahirkan di sini pada tanggal 28 Jun 1940, dan maut bersama pembantu peribadinya, Michael Cornelius Selvam Vellu, 39, dalam satu naas jalan raya pada awal pagi 17 April lepas.

Selepas melanjutkan pelajaran di St. Xavier Institution, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya (UM) Singapura sehingga tahun 1969.

Mendiang sempat menyertai firma Raja Ridzuan & Co. di Alor Setar, Kedah pada tahun 1970, sebelum menubuhkan sendiri firma Karpal Singh & Co. pada tahun berikutnya.

Karpal Singh mendirikan rumah tangga dengan Gurmit Kaur pada 30 Julai 1970, dan dianugerahi lima cahaya mata, iaitu Jagdeep Singh Deo, Gobind Singh Deo, Ramkarpal Singh, Sangeet dan Mankarpal.

Perjalanan politik Karpal bermula pada tahun 1970 apabila menyertai Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Pertama kali Karpal bertanding pilihan raya umum pada tahun 1974 dan dipilih memenangi kerusi bandar Alor Setar.

Pada tahun 1978, beliau bertanding di kerusi Parlimen Jelutong serta Dewan Undangan Negeri Bukit Gelugor, dan berjaya memenangi kedua-dua kerusi tersebut.

Kelantangannya di mahkamah dan arena politik tanah air mengakibatkan Karpal pernah diheret ke tahanan tanpa bicara Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada tahun 1987.

Tidak lama selepas dibebaskan, Karpal ditahan semula di bawah akta sama pada tahun 1989.

Dalam Pilihan Raya Umum 1990, Karpal berjaya mengelakkan mandat di Parlimen Jelutong, tetapi, gagal merebut kerusi DUN Padang Kota.

Karpal disebut-sebut sebagai 'Tiger of Jelutong' kerana kewibawaannya sebagai pemimpin berprinsip dengan ketertinggian perlembagaan, walaupun terpaksa ke penjara akibat permainan politik pemerintah.

Karpal, kemudiannya bertanding di Parlimen Bukit Gelugor pada tahun 2004, iaitu kerusi yang baru diwujudkan dan menang.

Karpal turut berjaya mengelakkan kemenangan di kerusi sama, pada Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013.

Sepanjang hidup bergelar pengamal undang-undang, Karpal dikenali sebagai pemimpin berprinsip apabila berani membela seorang wanita Islam yang dipecat oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perak pada awal tahun 1990-an hanya kerana mangsa memakai purdah.

Karpal bagaiakan tahu ajalnya kunjung tiba, apabila melepas semua jawatan parti ekoran Mahkamah Tinggi menetapkan beliau bersalah di bawah Akta Hasutan, didenda RM4,000 serta akan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen sebelum naas berlaku pada awal pagi 17 April lepas.

Bersemadilah dengan aman YB! Jasamu dikenang...

FAP cemerlang – RM1 juta naikkan lagi semangat pemain

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyumbangkan RM1 juta kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) berikutan kejayaan pasukan berkenaan menduduki tempat kedua pusingan pertama saingan Liga Perdana 2014 baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang menyempurnakan majlis penyampaian tersebut menyatakan bahawa sumbangan terbabit merupakan suatu suntikan bagi menaikkan lagi semangat pemain-pemain bagi mengharungi pusingan kedua serta saguhati atas kecemerlangan masing-masing.

“Saya percaya bonus seperti ini merupakan satu ‘peluru’ yang paling mujarab dalam menewaskan lawan dan pesaing-pesaing kita dalam Liga Perdana ini.

“Walaupun saingen dilihat sukar, jika tidak menjuarai liga ini sekalipun, saya menaruh harapan supaya pasukan Pulau Pinang mampu melonjak ke saingen Liga Super (saingen tertinggi bola sepak) pada musim 2015 kelak,” ujarnya pada sidang media khas di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Munshir Ariff, Jurulatih FAP, K. Devan dan barisan pemain FAP.

Bagi rekod saingen pusingan pertama, Pulau Pinang melalui 11 perlawanan dengan lapan kemenangan, dua seri dan satu



KETUA MENTERI, Rosli Jaafar (lima dari kiri) dan Nazir Ariff Munshir Ariff (empat dari kanan) memegang replika cek sumbangan sambil merakam gambar kenangan bersama-sama barisan pemain FAP pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

kehilangan.

Lanjutan itu, Guan Eng turut mengingatkan para pemain supaya mengekalkan fokus dalam menghadapi perlawanan mendatang urusan kewangan serta kebijakan tahun ini telah diurus tadbir dengan baik sekali berbanding tahun-tahun kebelakangan.

“Sumbangan seperti ini juga turut diharap dapat mengembalikan kegemilangan bola sepak Pulau Pinang, di

mana kini, fenomena kepadatan stadium dapat disaksikan dengan ribuan penyokong daripada pelbagai latar belakang datang memberi sokongan kepada pasukan yang mendapat jolokan ‘Harimau Kumbang’ tersebut,” jelasnya.

Dalam pada itu, Nazir Ariff mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan PDC kerana sudah menyumbangkan saguhati apabila pasukan Pulau Pinang

dilihat seperti mampu mengotakan janji bagi menghuni tangga keempat sekurang-kurangnya pada saingen musim ini.

“Pusingan kedua bakal bermula dan bagi menguatkan pasukan, kita (FAP) akan melakukan sedikit rombakan pada barisan pemain import serta tempatan bagi mencapai sasaran dan selebihnya saya hanya minta para pemain fokus ke hadapan,” tambah beliau.

MP terkejut swasta Pelabuhan P. Pinang ‘senyap-senyap’

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Langkah Putrajaya menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang kepada syarikat berkaitan jutawan industri, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary tanpa sebarang kenyataan umum mengundang rasa terkejut Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Menurut Tze Tzin, beliau sendiri mengetahui status terbaru pelabuhan komersial itu dari Jawapan Bertulis Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar bertarikh 24 Mac lepas, semasa berlangsungnya perbahasan di Dewan Rakyat.

“Kenapa Pelabuhan Pulau Pinang ini diswastakan secara ‘senyap-senyap’.

“Adakah Kerajaan (Pusat) takut rakyat mengetahui satu lagi aset strategik nasional telah diswastakan, dan, pemenang sekali lagi adalah Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary,” tanya Tze Tzin melahirkan rasa musykil mengenai punca pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak membuat pengumuman terbuka yang dianggap penting itu.

Dalam Jawapan Lisan Abdul Wahid dipetik menyebut:

“Syarikat Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. telah diperakui sebagai pembida yang



SIM Tze Tzin (kanan) dan Ng Wei Aik pada sidang media berhubung isu penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

berjaya bagi cadangan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang melalui pemilikan ekuiti di dalam Penang Port Sdn. Bhd..

“Rundingan mengenai terma-terma perjanjian telah dimuktamadkan dan perjanjian tambahan (*supplemental agreement*) penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 23 November 2013 antara pihak kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dengan pihak syarikat.”

Justeru katanya, pentadbiran Najib mesti menerangkan perkara sebenar di sebalik langkah penswastaan ‘senyap-senyap’ pelabuhan itu.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Ambil tindakan skandal ITIS - Guan Eng

GEORGE TOWN - Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng amat terkejut bawanya Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (*Integrated Transport Information System, ITIS*) bernilai RM365 juta yang dilancarkan Kerajaan Persekutuan pada 2002 bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur telah gagal sama sekali.

Lanjutan itu, ia memerlukan tender tambahan sebanyak RM200 juta pada tahun ini untuk menyelamatkan sistem pengurusan trafik tersebut.

Jelasnya, projek baru bernilai RM200 juta itu telah diberikan kepada GTC Global Sdn. Bhd. tahun ini, yang kini telah pun diambil alih oleh Telekom Malaysia Bhd.

“Dengan kata lain, sekira RM565 juta akan dibelanjakan ke atas sistem pengurusan lalulintas yang gagal, berbanding sistem serupa di negara lain seperti Singapura dan Hong Kong yang berjaya.

“Ini menimbulkan persoalan kenapa negara lain boleh berjaya, manakala negara kita gagal meskipun berbelanja ratusan juta ringgit,” tegasnya dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Pulau Pinang

masih mempertimbangkan suatu bentuk sistem pengurusan lalulintas untuk menguruskan kesesakan.

“Kami setelah didekati oleh beberapa penjual. Pun begitu, kami lebih suka untuk melihat bagaimana ITIS berfungsi dan beroperasi.

“Kerugian besar dan kegagalannya telah menyebabkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menangguhan sebarang tindakan dan mengambil sikap tunggu dan lihat untuk memastikan sama ada ITIS benar-benar boleh berfungsi,” ujarnya.

Tambah beliau, rakyat Malaysia bagaimanapun tidak mampu untuk mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap skandal RM565 juta ITIS.

“Bukan sahaja harus ada kebertanggungjawaban dan ketelusan penuh oleh Kerajaan Persekutuan, malah ia mesti tegas dan mengambil tindakan terhadap mereka yang telah membazirkan wang rakyat ke atas sistem yang langsung gagal berfungsi.

“Kegagalan untuk mengambil tindakan akan menunjukkan bahawa integriti menjadi mangsa kepada kroni dan keadilan menjadi mangsa kekuasaan,” tegas Guan Eng.

Segerakan kelulusan baki permohonan TP1M - Exco

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN- Kerajaan Pusat digesa memberikan maklumbalas segera berhubung proses permohonan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) membabitkan baki daripada 116 permohonan di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, daripada 116 permohonan dikemukakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), hanya separuh permohonan diluluskan.

"Keseluruhan permohonan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) ini adalah sejumlah 116, tetapi hingga April (kini), hanya sejumlah 50 permohonan diluluskan iaitu 23 projek di bawah MPPP, manakala, selebihnya (17 projek) di bawah MPSP.

"Baki 66 projek lagi bagaimana statusnya?.

"Itupun (surat pemberitahuan kelulusan), hanya diperoleh setelah saya, MPPP dan MPSP menghantar surat

permohonan penjelasan status permohonan-permohonan tersebut kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)," tegasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan Fook Sing dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

TP1M yang dilancarkan pada 2010 adalah bertujuan membaikpulih dan menyelenggara perumahan kos rendah (KR) dengan tanggungan kos bernisbah 90:10 (90 peratus dibiayai TP1M dan bakinya, persatuan penduduk). Bagi rumah kos sederhana rendah (KSR), peruntukan diberikan dengan nisbah 70:30.

Tambah Jagdeep, Pulau Pinang melalui Program HAPPY! (*Housing Assistance Programme of Penang*) dengan jumlah peruntukan dana sebanyak RM50 juta bersedia digunakan sekiranya permohonan-permohonan tersebut diluluskan.

Nada sama disuarakan Jerry dengan



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) menunjukkan salah satu butiran sidang media sambil ditemani Zairil Khir Johari ketika sidang media berhubung isu permohonan TP1M di sini baru-baru ini.

menyatakan bahawa corak perumahan di Pulau Pinang adalah kebanyakannya terdiri daripada bangunan yang tinggi.

"Kebanyakkan daripada bangunan-bangunan ini telah melebihi usia 10 tahun dan wajar diselenggara.

"Justeru, saya memohon Kerajaan Persekutuan (Pusat) supaya pertimbangkan kelulusan projek-projek tersebut dengan kadar segera dengan mengambil kira keselamatan para penghuni," seru beliau.

Senaraihitamkan 'kontraktor samseng' – Exco Perumahan

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pemaju yang dikesan bekerjasama dengan 'kontraktor samseng' demi menakut-nakutkan pembeli terlibat dalam pengubahsuaian rumah sebelum diduduki akan disenaraihitamkan Kerajaan Negeri.

Beliau berkata demikian semasa mengulas mengenai aduan beberapa pembeli pangaspuri baru tertentu yang mengaku diugut supaya tidak melibatkan diri dengan kerja-kerja pengubahsuaian kediaman masing-masing.

"Pemilik rumah-rumah terbabit bimbang keselamatan mereka kerana mereka telah terancam.

"Kita tidak akan bertolak ansur dengan sikap ini," tegasnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Sebagai langkah pencegahan, katanya, Kerajaan Negeri mengatur pertemuan dengan Ketua Polis Negeri, Datuk Abdul Rahim Hanafi untuk membanteras gangsterisme, terutama yang membabitkan projek pangaspuri.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu, kes seumpama itu sebenarnya dikesan berlaku sejak beberapa tahun lepas lagi.



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan keratan akhbar ketika mengulas mengenai insiden 'kontraktor samseng' pada sidang media di sini baru-baru ini.

Dalam beberapa kes aduan diterima, tambah beliau, pembeli pangaspuri akan dipaksa mendapatkan perkhidmatan pengubahsuaian rumah daripada kontraktor tertentu sahaja, walhal amalan itu adalah berunsur jenayah ke atas mereka yang terbabit.

Justeru, tegas Jagdeep, polis diharap dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk bertindak ke atas pemaju yang dikesan bekerjasama dengan 'kontraktor samseng' berkenaan.

Segera pulang borang pendaftaran projek Bandar Cassia

GEORGE TOWN - Orang ramai yang sebelum ini memohon borang pendaftaran untuk pemilikan rumah kos sederhana rendah (KSR) dan rumah mampu milik Kerajaan Negeri ketika pengumuman pelaksanaan projek perumahan Bandar Cassia, Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) digesa agar segera mengembalikan borang-borang yang lengkap.

Ini adalah berikut projek perumahan berkenaan telah bermula kini dan pihak pemaju juga telah memohon senarai-senarai nama berkaitan daripada Kerajaan Negeri untuk proses lanjut.

Seruan tersebut dibuat Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Katanya, sebanyak 100,000 ribu borang pendaftaran telah diedarkan bermula pada Disember tahun lalu (2013) bagi memberi peluang kepada orang ramai memiliki rumah-rumah mampu milik di sini.

"Hingga tarikh 20 Mac 2014, peratusan yang memulangkan borang pendaftaran hanya sekitar

tiga peratus iaitu 2,723 berbanding 100,000 borang yang telah dikeluarkan.

"Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) menggesa pemohon-pemohon berkaitan supaya menghantar semula borang tersebut pada kadar segera demi membolehkan proses pemprosesan dijalankan dengan lebih cepat.

"Ini kerana, projek perumahan tersebut telah bermula dan pihak pemaju juga telah meminta senarai nama pemohon melalui Kerajaan Negeri," ujarnya pada sidang media khas baru-baru ini di sini.

Projek perumahan Bandar Cassia secara keseluruhan meliputi 12,000 unit dengan pecahan 4,800 unit berkeluasan 800 kaki persegi, 900 kaki persegi (4,200) dan 1,000 kaki persegi (3,000).

Jagdeep dalam pada itu mencadangkan agar pendaftaran berkaitan dapat dilakukan menerusi talian ataupun pembukaan kaunter di tapak projek.

"Kita (Kerajaan Negeri) kini dalam fasa pemilihan.

"Lebih cepat mereka (pemohon) hantar, kebarangkalian dipilih adalah lebih tinggi," ujar beliau.

Ops gempur cegah denggi

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

TELUK BAHANG – Bermula Januari hingga 12 April lalu, sebanyak 582 kes denggi dilaporkan di negeri ini berbanding hanya 200 kes bagi tempoh sama tahun lalu (2013).

Angka tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 382 kes iaitu 191 peratus. Malah, tiga kematian dilaporkan pada tahun ini berbanding tiada kematian bagi tempoh sama tahun lalu.

Lanjutan itu, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin melancarkan Ops Gempur Aedes dan Ops Gempur Tapak Binaan di beberapa kawasan termasuk di Teluk Bahang khususnya di Kampung Teluk Awak di sini.

“Kawasan binaan berhampiran dan perkampungan di sini dipercayai menjadi antara lokasi yang menyumbang kepada pemberian nyamuk aedes.

“Selain tempat takungan dan simpanan air, kawasan binaan di Jalan Hassan Abas juga dikenalpasti sebagai kawasan berpotensi menjadi tempat pemberian nyamuk,” katanya sejurus selepas menyertai ops gempur di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, antara langkah awal yang telah dilaksanakan ialah dengan meletakkan ‘*abate*’ di tempat-tempat takungan air dan semburan kabus (fogging).

“Walau bagaimanapun, berlaku kekangan untuk melakukan semburan kabus kerana kebanyakan penduduk di Kampung Teluk Awak membela burung sangkar.

“Di sini sahaja, terdapat lebih 30 kes dilaporkan dengan 17 daripadanya adalah positif denggi dan kita (Kerajaan



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) membuat pemeriksaan di belakang kediaman salah seorang penduduk Kampung Teluk Awak di sini baru-baru ini.

Negeri) telah melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang perlu.

“Malah, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) juga telah mengeluarkan notis pelaksanaan kerja-kerja pembersihan dua minggu sebelum pelaksanaan penguatkuasaan,” jelas Afif.

Tambah beliau, menerusi Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975 (Pindaan 2000), di bawah Seksyen 8, penghuni atau pemilik premis dikehendaki menjalankan kerja pembersihan dan memusnahkan punca pemberian nyamuk aedes.

“Sekiranya gagal, penghuni dan pemilik premis boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

“Sehingga ke hari ini, telah banyak notis dikeluarkan dan hanya satu kompaun dikeluarkan berikutan peningkatan kes tertinggi di Pulau Pinang.

“Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga ada mengadakan taklimat kepada

kontraktor, penduduk kampung, komuniti perumahan taman dan premis-premis perniagaan supaya terus mengambil langkah pencegahan bagi menghentikan penularan denggi,” ujarnya yang turut ‘turun padang’ bersama kira-kira 50 petugas JKN dan Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya dalam operasi berkenaan.

Dalam pada itu, Afif turut meminta penghuni rumah dan pemilik premis untuk memberi kerjasama dengan membenarkan anggota kesihatan menjalankan semburan kabus di dalam rumah, selain meminta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) menjalankan gotong-royong bagi menghapuskan tempat-tempat berpotensi pemberian nyamuk aedes.

“Orang ramai juga diminta segera mendapatkan rawatan di klinik-klinik kesihatan atau hospital sekiranya mengalami demam lebih dari tiga hari dan tanda-tanda penyakit dengan seperti sakit badan dan sendi, muntah, ruam dan kurang selera makan,” seru beliau.



SUPPIAH Manikam bersama-sama isteri bergambar kenangan dengan salah seorang dif jemputan pada majlis pengumuman pelantikan beliau di sini baru-baru ini.

Jenolek atas inisiatifnya membuka pejabat besar Konsulat Republik Poland di negeri ini.

“Saya berharap kerjasama kami akan sangat berjaya dalam menggalakkan hubungan yang luas dan mendalam antara kedua-dua negara,” ujar beliau.

Pejabat Konsulat Poland di P.Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyambut mesra pembukaan Pejabat Konsulat Republik Poland di sini, dengan pelantikan Datuk Suppiah Manikam sebagai Konsul Kehormat pertama Republik Poland ke Malaysia.

Guan Eng dalam ucapannya memberitahu, pelantikan Suppiah sekaligus melambangkan republik itu komited meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia, terutamanya di negeri ini.

“Pembukaan pejabat baru Konsulat Poland di Pulau Pinang merupakan pengakuan penting bahawa Pulau Pinang

kian berkembang sebagai bandar bertaraf antarabangsa dan pintar.

“George Town, merupakan bandar kedua di Malaysia yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO... diharap dapat mewujudkan hab ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan pendidikan demi manfaat di kedua-dua negara,” jelasnya pada satu majlis keraian di sini baru-baru ini.

Duta Poland Ke Malaysia, H.E. Adam W. Jenolek turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy dan Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan).

Dalam pada itu, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada

Maklum balas PBT guna aplikasi gajet baru



STEVEN Sim Chee Keong ketika menjelaskan aplikasi CAT pada sidang media di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengumumkan penggunaan saluran aduan pengguna baharu, *Citizen Action Technology* (CAT) sebagai menambahbaik mutu perkhidmatan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan di sini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, saluran aduan baru berkuatkuasa 4 April lalu divariasikan penggunaannya mengikut trend terkini bagi memudahkan orang awam membuat aduan terhadap mana-mana perkhidmatan di bawah bidang kuasa MPSP.

“Selain talian *hotline* dan *toll free*, orang ramai boleh membuat aduan menerusi e-mel, *MPSP Watch* (aduan melalui *Facebook*) atau laman sesawang rasmi MPSP yang mana pengadu boleh menyemak status aduan selepas berjaya menghantarnya secara talian.

“Kini, ada lagi satu sistem aplikasi terbaru iaitu melalui aplikasi gajet mudah alih, CAT yang bukan sahaja mesra pengguna, malah pengguna boleh berinteraksi terus dengan PBT berwajib,” katanya pada sidang media bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti (Air, Tenaga, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut, Keretapi), Lim Hock Seng dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Dalam pada itu, bagi Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye, aplikasi tersebut bukan sahaja mesra pengguna, malah mudah yang mana seseorang pengadu hanya perlu tangkap gambar berkaitan dan ‘tag’ tempat berkenaan sebelum hantar aduan untuk tindakan lanjut.

“Melalui aplikasi ini, orang ramai boleh berhubung secara telus dan terus dengan PBT 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, 30 hari sebulan dan sepanjang tahun, MPPP atau MPSP akan respons dalam tempoh 48 jam bergantung kepada aduan dikemukakan” jelas beliau.

CAT, merupakan aplikasi atas talian pertama di Malaysia seumpamanya digunakan sepenuhnya oleh PBT untuk menerima aduan, maklum balas dan berinteraksi secara interaktif dengan orang ramai.

Didatangkan dalam dua pilihan bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, aplikasi CAT ditampilkan seakan-akan *Facebook* dengan butang ‘Like’ dan ruangan komen yang membolehkan pengguna memantau tindakan PBT.

Orang ramai yang ingin menggunakan aplikasi tersebut perlu memuatnaik aplikasi terbabit di gajet mudah alih masing-masing dengan kata kunci ‘citizen action technology’ atau ‘better penang’ melalui android ataupun apple stores.

Sasar kematian jalan raya P. Pinang terus berkurang

Oleh: **ZAINUL FAQAR YAACOB**

TANJUNG BUNGAH – Kerajaan Negeri berharap kadar kematian jalan raya dapat dikurangkan dari 1.72 kes untuk 10,000 kenderaan berdaftar di negeri ini kepada 0.5 kes menjelang tahun 2020.

Justeru, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya sendiri mempertimbang syor untuk menubuhkan jawatankuasa khas membabitkan semua agensi berwajib demi merealisasikan hasrat tersebut.

“Ubah sikap pemandu adalah salah satu kempen yang perlu dilakukan, dengan sokongan semua agensi terbabit.

“Satu lagi, syor pembangunan jalan raya yang memenuhi (ciri-ciri) kejuruteraan yang selamat untuk semua jenis kenderaan dan pengguna.

“Kerajaan Negeri sendiri akan mula mengaudit jalan raya sedia

ada, bukan hanya tertumpu pada kawasan-kawasan kerap berlaku kemalangan semata-mata,” ujarnya kepada wartawan selepas merasmikan majlis penutupan Bengkel Pembentukan Strategi Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah (Pensyarah merangkap Penyelidik Bidang Keselamatan Jalan Raya dari Universiti Sains Malaysia, USM) turut hadir pada bengkel selama dua hari satu malam itu.

Sebelum itu, Ahmad Farhan memberitahu bahawa perubahan sikap pengguna, bentuk jalan raya yang boleh mengurangkan risiko kematian, data kecederaan kritisik dari hospital dan jalan raya yang selamat untuk kenderaan motosikal merupakan empat elemen penting yang wajar dititikberatkan dalam merencana strategi menurunkan indeks kematian tiap-tiap tahun.



DR. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah (berjaket hitam) memberikan penjelasan kepada pihak media sambil ditemani Chow Kon Yeow (berbaju putih) pada Majlis Penutupan Bengkel Pembentukan Strategi Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

“Kita sangat gembira kerana boleh memulakan inisiatif ini di Pulau Pinang dengan data daripada hospital dan melalui MKJR (Majlis Keselamatan Jalan Raya), kita akan cuba menjayakan pelan (Keselamatan Jalan Raya) ini secara bersama,” jelasnya.

Lebih 40 peserta mewakili

Polis Diraja Malaysia (PDRM), MKJR, Jabatan Imigresen Malaysia, Hospital Besar Pulau Pinang, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), Jabatan Penyiaran Malaysia, Unit Penerangan Pejabat Ketua Menteri, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis

Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyertai bengkel kali ini.

Angka kematian jalan raya di negeri ini pada tahun lepas direkodkan menurun sehingga 386 kes, berbanding tahun 2012, 401 kes.

Juara peraduan mewarna Buletin Mutiara wakil negara

GEORGE TOWN – Lim Hui Xin, 11, dari Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Sum Sun, Jalan Perak muncul juara Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kemenangan tersebut membolehkan beliau membawa pulang sebuah trofi, wang tunai RM200, sijil penyertaan dan krayon jenama ‘Buncho’ yang disampaikan isteri kepada Y.A.B. Ketua Menteri merangkap Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara, Betty Chew Gek Cheng.

Al Nazfeera Wardina Al Rafaee, 7, dari Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir, Bukit Gambir yang diumumkan sebagai pemenang kedua menerima sebuah trofi, wang tunai RM150, sijil penyertaan dan krayon.

Manakala tempat ketiga, S. Rachel Jansi, 9, dari Sekolah Kebangsaan Sacred Heart, Balik Pulau membawa pulang sebuah trofi, wang tunai RM100, sijil penyertaan dan krayon.

Ketika ditemui, Hui Xin yang



BARISAN pemenang Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna Buletin Mutiara bergambar kenangan bersama-sama Betty Chew Gek Cheng (sembilan dari kanan) pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.

telah beberapa kali mewakili Pulau Pinang dan negara dalam pertandingan mewarna ternyata gembira dengan kemenangannya.

Kegembiraan turut dikongsi oleh dua sahabat, Al Nazfeera Wardina dan Rachel Jansi.

Seramai 20 peserta lain turut S. Rachel Jansi (dua dari kanan) menerima trofi kemenangan.

menerima hadiah saguhati berupa wang tunai RM20, sijil penyertaan dan krayon.

Peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna Buletin Mutiara yang julung kali diadakan menerima penyertaan sebanyak 3,548 penyertaan dalam tempoh 16 November 2013 hingga 14 Februari 2014 lalu.

Penang Run tumpu cabaran Seberang Perai

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Berasaskan sasaran penyertaan seramai 1,500 peserta, penganjuran sukan rekreasi, Penang Run 2014/2015 (Penang Run) bakal meneroka keunikan di tiga daerah di Seberang Perai.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng berkata, penganjuran Penang Run Ke-2 adalah meliputi tiga siri utama iaitu Seberang Perai Utara (SPU) yang bakal berlangsung pada 1 Jun ini di Dewan Datuk Hj. Ahmad Badawi, Seberang Perai Selatan, SPS (26 Oktober ini), Nibong Tebal dan Seberang Perai

Tengah, SPT (11 Januari 2015), Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perda, Bukit Mertajam.

“Ini adalah satu pembaharuan untuk perkenal dan giatkan aktiviti di Seberang Perai.

“Malah, para peserta juga bakal melalui pengalaman baru serta mencabar dalam tiga siri penganjuran ini,” ujarnya pada sidang media pengumuman penganjuran Penang Run baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dan wakil Active Style Concept Sdn. Bhd., Andrew Loh

Lean Hock selaku penganjur bersama.

Sejumlah RM64,700 wang tunai dan piala iringan disediakan untuk lima penyertaan tertinggi bagi setiap kategori dipertandingkan.

Yuran penyertaan adalah sebanyak RM60 bagi setiap siri atau RM180 untuk combo dua siri.

Para peserta bakal dibekalkan dengan baju t, pingat unik bagi yang berjaya menamatkan saringan pada waktu ditetapkan dan e-sijil.

Pendaftaran boleh dilakukan melalui laman sesawang, www.penangrun.com.

CHONG Eng.



Buletin Mutiara - MJ

Siap tempoh singkat, Taman Shineville sedia diduduki

AIR ITAM – Kegembiraan jelas terpancar di wajah 234 pembeli unit kos sederhana rendah (LMC) Taman Shineville di sini apabila secara rasminya dalam tempoh 14 bulan sahaja, mereka (pembeli) berjaya memperoleh kunci menduduki rumah baru-baru ini.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Hon Wai berkata,

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat amat menitikberatkan dan membuat kawalan ketat agar projek-projek perumahan dapat disiapkan dengan cepat dalam tempoh kira-kira setahun.

“Syukur taman ini siap dalam tempoh 14 bulan, maka dengan itu pembeli tidak perlu menunggu terlalu lama.

“Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bukan sahaja membina rumah mewah, kondominium mewah, tetapi kita (Kerajaan Negeri) telah minta pemaju untuk bina 30 peratus daripadanya adalah rumah kos sederhana rendah.

“Ini adalah sebahagian daripada obligasi sosial pemaju untuk membina rumah kos sederhana rendah (LMC),” ujarnya pada Majlis Penyerahan



RUPA bentuk unit rumah di Taman Shineville di sini.

Kunci menduduki Taman Shineville di Air Itam di sini baru-baru ini.

Taman Shineville yang dibangunkan pemaju, Jiran Bina turut dipertanggungjawabkan membina 299 unit kos mewah (36 tingkat) dan 90 buah rumah teres tiga tingkat di kawasan tersebut.

Dalam pada itu, Hon Wai memberitahu bahawa Lebuhraya Thean Teik turut dinaiktaraf sepanjang 350 meter bagi tujuan menyuraikan kesesakan trafik di kawasan Air Itam khususnya.

“Lebuhraya Thean Teik telah dinaiktaraf daripada empat laluan sedia ada kepada enam laluan bermula di kawasan perkuburan masyarakat Cina di Khoo Kongsi hingga Batu Lanchang,” jelas beliau.

Baiki mutu urus sisa pepejal ikut syor Laporan Audit Negara - Exco

GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow meminta mutu pengurusan sisa sampah di negeri ini terus ditingkatkan walaupun diklasifikasikan pada tahap memuaskan menurut Laporan Ketua Audit Negara 2013 Pulau Pinang..

“Secara umumnya, kita (Kerajaan Negeri) menyambut baik Laporan Ketua Audit Negara ini, dan kita perlu melakukan tindakan segera sebagaimana disyorkan dalam laporan penting itu.

“Ini kerana, mutu pelanggan dianggap berjaya dicapai apabila semua syor ini ditangani segera,” ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini, selepas mendapatkan maklum balas lanjut daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Ahli Majlis bagi MPPP, Ong Ah Teong turut memberi respon pada sidang media itu.

Sebelum itu, Setiausaha bagi MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan Pengarahnya dari Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Mubarok Junus membentangkan punca serta kaedah penyelesaian pada beberapa kelemahan yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 Pulau Pinang.

Kon Yeow memberitahu, pihaknya akan mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana disyorkan dalam laporan itu.

Laporan itu antaranya menyebut mengenai pencemaran di jalan raya akibat tumpahan air kurasan yang tidak dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kontraktor berwajib.

Menurut laporan itu lagi, PBT turut disebut tidak mempunyai lori kompaktor yang cukup hingga perkhidmatan mengutip sampah tidak cekap.

Selain itu, berat sisa pepejal yang dilupuskan oleh kontraktor disebut tidak mencapai berat minimum sebagaimana dipersetujui dalam kontrak.

Isu tong sampah awam tidak memenuhi piawaiannya serta aduan mengenai sisa pepejal tidak diambil tindakan turut disebut dalam laporan tersebut.

Bagaimanapun, laporan itu menyebut, pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Jun tahun lepas secara keseluruhannya pada tahap memuaskan.

Tubuh pasukan tindak isu sungai tercemar – Kon Yeow

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri menubuhkan pasukan bertindak khas bagi memantau, merekod dan mengenal pasti punca pencemaran sungai dan pantai di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberi respon demikian berhubung isu pencemaran Sungai Jelutong dek sampah sarap, sebagaimana dilaporkan beberapa media arus perdana baru-baru ini.

“Kerajaan Negeri telah menubuhkan pasukan Taskforce Pencemaran Sungai dan Pantai,” ujarnya yang juga Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Memetik laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kon Yeow memberitahu, langkah memasang perangkap sampah (*Log Boom* dan CDS) sedang dipasang di lokasi yang dikenalpasti menerima banyak sampah terkumpul.

“Pemasangan perangkap sampah ini juga disyorkan kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di setiap parit perumahan dan perbandaran kerana sampah-sampah yang diterima adalah asalnya dari parit perbandaran, parit perumahan dan pembuangan terus dari penduduk,” jelasnya.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja

menyelenggara serta mengeruk Sungai Jelutong dilakukan secara berkala tiap-tiap tahun demi mengurangkan lumpur serta sampah sarap dihasilkan pihak tidak bertanggungjawab.

Difahamkan, Sungai Jelutong yang menyambung enam cabang sungai lain, iaitu Sungai Dondang, Sungai Air Itam, Sungai Air Putih, Sungai Air Terjun, Sungai Jelutong dan Sungai Mati itu dikelilingi kepadatan penduduk, sekaligus mendedahkan sungai utama tersebut terdedah pada risiko pencemaran.

Memetik data MPPP, beliau memberitahu, sebanyak RM91,028 dibelanjakan sehingga Februari tahun ini sahaja bagi mengutip 2,700 kilogram (kg) sampah dari Sungai



KERJA-kerja pembersihan Sungai Jelutong berhampiran Flat Taman Abidin yang giat dijalankan di sini.


Jelutong.

Manakala di Sungai Pinang pula, jelasnya, sumber saman mendekah sebanyak RM67,992.80 dibelanjakan pada tahun 2012 bagi mengutip 54,903 kg sampah, diikuti, 2013 (RM83,333 / 3,297,000kg) dan Januari hingga Februari 2014

(RM99,340 / 1,092kg)

Dalam interaksi bersama wartawan, Kon Yeow turut membentangkan pelan tindak jangka pendek dan pelan induk jangka panjang MPPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) demi menangani isu malar segar itu.

‘Musim bunga’ di Pulau Pinang



PERKARANGAN Dewan Undangan Negeri seperti karpet keemasan dipenuhi bunga yang mekar dan luruh di kawasan sekitar.

PARA PARA SAKURA... Setiap tahun sepanjang bulan Mac, bunga-bunga ‘sakura’ akan mekar menyeri pemandangan seluruh negeri Pulau Pinang.

Dengan nama saintifik, *Tabebuia Rosea*, *Pink Tecoma*, *Rosy Trumpet Tree*

atau apa sahaja nama panggilannya, kecantikan bunga-bunga berwarna putih, ungu dan merah menjadi kegilaan setiap lensa yang memandang ia.

Tidak terkecuali, rakaman lensa Buletin Mutiara untuk dikongsi bersama para pembaca semua!



BUNGA sakura yang mekar menarik setiap mata memandang.



Idea 'rumah ganti rumah selesa' bukan mustahil - TKM1

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

PANTAI JEREJAK – Empat penduduk asal Kampung Sungai Nibong Tengah di sini bersetuju dengan budibicara pemaju, Seraimas Sdn. Bhd. untuk menerima rumah pangsa kos rendah atas tanah sama di sini serta tunai RM15,000, sungguhpun idea 'rumah ganti rumah' itu dianggap mustahil oleh sesetengah pihak.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon selepas majlis menandatangani perjanjian persetujuan (MoA) berwajib memberitahu, pihaknya akan berusaha memudahkan urusan pemaju untuk mendapatkan kebenaran melaksanakan projek di atas tanah tersebut daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sesegera mungkin.

"Langkah ini akan membantu Kerajaan Negeri membuat satu

garis panduan supaya hak penduduk asal tidak diabaikan dalam mana-mana projek pemajuan dengan budi bicara pemaju, tuan tanah serta sikap bertolak ansur penduduk sendiri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di Pusat Khidmat Rakyat beliau di sini baru-baru ini.

Wakil perunding pemaju, Mohamed Azhar Abdul Gafoor dan Pengurus Badan Bertindak Rumah Ganti Rumah Selesa (RAGAS) Zolkifly Md. Lazim turut menyertai majlis perjanjian persetujuan (MoA) membabitkan lima penduduk asal berkenaan.

Penduduk asal terbabit, Mohamed Abdullah M.R.M. Mohd. Rowther, Fandy Sulaiman, Mohamed Mydin Ala Pichay dan Syed Baharin Mohd. Yusoff masing-masing dijanjikan menerima rumah pangsa kos rendah berkeluasan 680 kaki persegi bernilai RM42,000 secara percuma.



MOHD. Rashid Hasnon (empat dari kiri) pada sidang media bersama-sama Mohamed Azhar Abdul Gafoor (lima dari kiri) dan Zolkifly Md. Lazim (dua dari kiri) di Pejabat Pusat Khidmat ADUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Mereka turut menerima RM12,000 kos sewa rumah sepanjang tempoh pemajuan projek itu yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun, selain, RM3,000 kos mengosongkan rumah sedia ada dalam masa dua minggu dari tempoh perjanjian MoA dimeterai bersama.

Difahamkan, penduduk asal lain di Kampung Sungai Nibong Tengah

tersebut sebelum ini bersetuju menerima pampasan berupa wang tunai daripada pemaju.

Sebanyak 500 unit rumah, termasuk 65 unit rumah kos rendah (KR) dan 65 unit rumah kos sederhana rendah (KSR) dibina di atas tanah seluas kira-kira empat ekar, milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Mohd. Rashid berkata,

pihaknya berharap kerja-kerja pemajuan tersebut dapat siap mengikut jadual, supaya lima penduduk asal dapat kembali menghuni di kampung halaman mereka.

"Kalau boleh, cepat siap ikut jadual supaya mereka ini boleh kembali tinggal (bermastaun) di kampung halaman mereka," ujar Mohd. Rashid lagi.

Pengurusan Stadium Batu Kawan kembali kepada PDC

GEORGE TOWN – Pengurusan Stadium Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) yang kini di bawah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bakal dikembalikan semula kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut menyatakan bahawa keputusan tersebut adalah berdasarkan keperluan pengurusan berpengalaman serta berkepakaran terhadap stadium yang begitu besar saiznya.

"Ini juga kerana, MSNPP terpaksa menguruskan banyak program-program semasa dalam membangunkan bidang sukan negeri," katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian bagi mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 1 yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini yang menyatakan

bahawa 35 daripada 49 kamera litar tertutup (CCTV) di Stadium Batu Kawan tidak berfungsi dan alat pemadam api di stadium berkenaan telah berusia lebih 10 tahun serta luput tarikh penggunaan.

Menurut laporan tersebut, CCTV yang sepatutnya berfungsi sebagai alat pemantauan dan pengawalan keselamatan itu didapati rosak pada kabel kuasa dan signal akibat kebocoran air di stadium itu.

Selain itu, dua daripada tiga monitor CCTV bagi tujuan pemantauan persekitaran juga tidak berfungsi dan kerosakan itu telah dilapor kepada MSNPP sejak 2009 tetapi tiada tindakan diambil.

Pada pendapat Audit, aspek keselamatan di stadium kurang memuaskan kerana penggunaan peralatan keselamatan yang tidak berfungsi dan tamat tempoh.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong



STADIUM Batu Kawan.

Eng dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Mengulas lanjut Chong Eng menyatakan pihaknya (MSNPP) menyambut baik langkah tersebut kerana MSNPP pada dasarnya tiada sumber mencukupi atau kepakaran dalam menguruskan

stadium berkenaan.

"Sejak mengambil alih pengurusan stadium daripada PDC pada tempoh 2009 hingga kini (2014), MSNPP telah menaikkan kadar sewa dan memperbanyak aktiviti di sini, namun, masih tidak cukup untuk menampung kos utiliti yang tinggi," jelas beliau.

Dalam pada itu, Rosli ketika dihubungi menyatakan bahawa pihaknya kini dalam proses perbincangan dengan MSNPP berhubung tarikh penyerahan rasmi berkenaan.

BAYAR CUKAI TANAH TANGGUNGJAWAB ANDA. ELAKKAN PERAMPASAN TANAH.

KANDUNGAN

- 1 Bayaran Cukai Tanah Online!
 - Melalui Portal e-Tanah <http://etanah.penang.gov.my>
 - Melalui e-Bayar <https://ebayar.penang.gov.my>
- 2 Cetakan Semula Resit Cukai Tanah
 - Melalui Portal e-Tanah
 - Melalui e-Bayar
- 3 Muat Turun Borang Online!
 - Melalui Portal PTGPP ptg.penang.gov.my
- 4 Sistem PTGBil
 - Melalui Sistem PTGBil <http://ptg.penang.gov.my/ptgbil>

Muat turun panduan bayaran cukai tanah express :-
 > <http://ptg.penang.gov.my/dokumen/paduan-online-bm.pdf> untuk B.Malaysia.
 > <http://ptg.penang.gov.my/dokumen/paduan-online-eng.pdf> untuk B.English.

Caj Bank Untuk Bayaran Cukai Tanah Online

KAD DEBIT: RM 0.50 setiap transaksi.
 KAD KREDIT: 1.8% ke atas jumlah bayaran.

SEMAK BAYARAN CUKAI TANAH TAHUN SEMASA SECARA SMS

GOVPG PTGCUKAI <NOMBOR AKAUN CUKAI TANAH>
 Contoh: GOVPG PTGCUKAI 990012345678 & SMS KE 15888

*Setiap mesej yang dihantar akan dicaj RM0.15. Setiap mesej yang diterima akan dicaj RM0.20.

PEJABAT PENGARAH TANAH & GALIAN PULAU PINANG

TINGKAT 21 & 22,
 10000 KOMTAR,
 PULAU PINANG.
 Tel : 04 - 650 5211
 Fax : 04 - 261 9588
 e-Mel: ptgpp@penang.gov.my
<http://ptg.penang.gov.my>

e-Perkhidmatan

TANAH

e-Bayar

Online Lebih Mudah!

PEJABAT PENGARAH TANAH & GALIAN PULAU PINANG

<http://etanah.penang.gov.my>

<https://ebayar.penang.gov.my>

<http://ptg.penang.gov.my/ptgbil>

1 Bayaran Cukai Tanah Online!

2 Cetakan Semula Resit Cukai Tanah Online!

3 Muat Turun Borang Online!

4 Sistem PTGBil

Bayar... online lebih mudah!
 melalui...
 Portal e-Tanah etanah.penang.gov.my atau
 Portal e-Bayar ebayar.penang.gov.my
 FPX VISA

Kemudahan cetak semula resit online
etanah.penang.gov.my

PORTAL RASMI PTGPP:PTGBil
 PERMOHONAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PADA BIL CUKAI TANAH SECARA ONLINE MELALUI PORTAL RASMI PTGPP

TERIMA KASIH KERANA TELAH MENJELASKAN CUKAI TANAH ANDA

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PULAU PINANG**

PARAS 21 & 22, KOMPLEK TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR), 10000 PULAU PINANG
<http://ptg.penang.gov.my>
 Tel : 04-6505214 Faks : 04-2619588

**Sudahkah
ANDA MENJELASKAN
bayaran CUKAI TANAH ?**

Sila ke Pejabat Tanah & Daerah berdekatan untuk membuat bayaran atau secara **ONLINE** melalui Portal e-TANAH | <http://etanah.penang.gov.my> | atau e-BAYAR Kerajaan Negeri Pulau Pinang | <https://ebayar.penang.gov.my> |

Denda lewat dikenakan selepas 31 Mei setiap tahun.

FPX VISA MasterCard

Peringatan : Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk merampas tanah anda sekiranya cukai tanah tidak dijelaskan

**Tidak dapat bil?
Sudah-pindah-milik?**

Sila kemaskini alamat, nama dan lain-lain maklumat pada bil cukai anda secara online melalui Laman Web PTG Pulau Pinang <http://ptg.penang.gov.my/ptgbil> atau di mana-mana Pejabat Tanah dan Daerah di bawah.

Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Betik, Sg. Rambai, 14000 BUKIT MERTAJAM. Tel : 04-5402360 / 2381 Faks : 04-5399549 <http://spt.penang.gov.my>

Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Bertam, 13200 KEPALA BATAS. Tel : 04-5759963 Faks : 04-5754670 <http://spu.penang.gov.my>

Pejabat Tanah Daerah Daerah Timur Laut, Tingkat 50 & 51, 10000 KOMTAR Tel : 04-6505344 Faks : 04-2616137 <http://dtl.penang.gov.my>

Pejabat Tanah Daerah Seberang Perai Selatan, 14200 JAWI. Tel : 04-5824511 Faks : 04-5821003 <http://sps.penang.gov.my>

Pejabat Tanah Daerah Daerah Barat Daya, 11000 BALIK PULAU, Tel : 04-8691104 / 1105 Faks : 04-8661953 <http://dbd.penang.gov.my>

Ucapan perbahasan usul junjung kasih titah diraja oleh Zairil Khir Johari, Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute di Parlimen pada 20 Mac 2014

Pencemaran alam sekitar



SAYA ingin bermula dengan isu di kawasan saya, iaitu mengenai pencemaran sungai di Batu Ferringhi, Pulau Pinang, yang telah dihebahkan di media massa baru-baru ini. Pada awal bulan Februari, para pelancong, peniaga dan penduduk di sekitar Sungai Batu Ferringhi menerima kejutan apabila sungai tersebut tiba-tiba bertukar warna menjadi gelap serta berbau busuk.

Ekoran aduan yang diterima, lawatan tapak dan siasatan telah dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Hasil daripada siasatan tersebut, salah satu punca utama pencemaran telah dikenalpasti sebagai paip loji rawatan kumbahan yang dimiliki Indah Water Konsortium (IWK).

Menurut laporan JPS, paip tersebut didapati mengeluarkan air efluen yang amat keruh dan berwarna gelap. Pencemaran ini didapati berlaku sepanjang jarak daripada paip IWK tersebut sehingga ke muara Sungai Batu Ferringhi.

Pada 9 Februari, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah melakukan lawatan kerja ke sungai tersebut, di mana beliau sendiri mengakui bahawa salah satu punca pencemaran adalah loji rawatan kumbahan IWK. Beliau seterusnya menyarankan agar IWK tidak melepaskan efluen kepada sungai atau pantai, di samping berjanji untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas mereka yang bertanggungjawab dalam masa “satu atau dua minggu.”

Justeru, saya ingin bertanya sama ada apa-apa tindakan sudah diambil seperti yang dijanjikan. Pada masa yang sama, saya juga ingin tahu apakah langkah seterusnya yang akan diambil untuk memastikan IWK tidak lagi melepaskan efluen mereka ke dalam sungai dan pantai, bukan sahaja di Batu Ferringhi malah di kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang.

Tambahan pula, saya mendapat maklumat bahawa terdapat kemungkinan loji-loji rawatan kumbahan IWK di Pulau Pinang sedang beroperasi dengan melampaui kemampuannya (*over-capacity*). Sekiranya benar, keadaan ini mendatangkan risiko yang amat besar kepada alam sekitar, industri pelancongan serta kesihatan penduduk-penduduk di sekitar sungai dan pantai.

Oleh itu, saya cadangkan agar pihak Kementerian mengarahkan audit luaran dilakukan ke atas semua loji rawatan kumbahan IWK di Pulau Pinang untuk memastikan keselamatan dan kemampuan loji-loji tersebut, dan

kemudiannya mendedahkan hasil laporan kepada orang ramai.

Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)

Tuan yang dipertua,
Berkenaan dengan isu Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA), saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) atas ketebukan beliau untuk membentangkan perjanjian TPPA di Parlimen. Saya menyambut langkah ini sebagai langkah positif.

Pun begitu, saya ingin mencadangkan agar perjanjian TPPA ini terlebih dahulu diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan sebelum dibentangkan di Parlimen, berserta dengan kajian kepentingan nasional (national interest study) bagi setiap 29 bab dalam perjanjian tersebut.

Cadangan ini adalah berdasarkan pengalaman di Parlimen Korea Selatan semasa pembentangan Perjanjian Perdagangan Bebas Korea Selatan dan Amerika Syarikat (KORUS), di mana teks bahasa Inggeris telah digunakan. Ini mendatangkan banyak masalah kerana kebanyakan Ahli Parlimen Korea Selatan tidak fasih berbahasa Inggeris. Akhirnya, perbahasan yang dijalankan tidak bermakna walaupun implikasi perjanjian tersebut adalah sangat penting bagi negara mereka.

Justeru, demi mengelak kejadian yang sedemikian rupa di Malaysia, saya harap Kementerian akan mempertimbangkan untuk menyediakan penterjemahan perjanjian TPPA sebelum perbahasan berlangsung. Pada masa yang sama, saya juga bercadang agar masa sekurang-kurangnya tiga bulan diberi kepada Ahli Parlimen untuk mengkaji dan meneliti kandungan perjanjian tersebut sebelum ia dibahas, lebih-lebih lagi kerana skop TPPA ini adalah jauh lebih luas berbanding perjanjian Korea Selatan dan mengandungi lebih kurang 3,000 muka surat.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

Tuan yang dipertua,
Saya ingin mengangkat satu lagi kontroversi pada hari ini, iaitu sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Pelaksanaan PBS setakat ini berhadapan

dengan kritikan yang lantang daripada pelbagai pihak, khususnya golongan guru, sehingga tunjuk perasaan telah dianjurkan oleh NGO Suara Guru Masyarakat Malaysia (SGMM) pada 22 Februari 2014.

Faktor utama bantahan terhadap PBS adalah kerana sistem ini membebankan guru dan mengganggu peranan utama mereka, iaitu mendidik murid. Tugas pengkeranian (*clerical work*) bagi menguruskan PBS merumitkan lagi kerja guru, sementara ketidakupayaan perisian Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) untuk menampung trafik yang besar telah mengakibatkan ramai guru terpaksa membazir masa sehingga ke larut malam untuk memasukkan data.

Justeru, berikut tunjuk perasaan oleh SGMM pada 22 Februari 2014, Kementerian telah menangguhan pelaksanaan PBS sementara ia dikaji semula. Kelmarin, Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa sistem PBS telah pun dirombak semula dan akan disambung pelaksanaannya mulai 1 April 2014.

Pendekatan PBS yang baru tidak lagi memerlukan kerja pengkeranian untuk memasuki data secara online. Sebaliknya, guru perlu mentaksir dan merekodkan perkembangan murid berdasarkan kesesuaian masa dan kaedah penilaian mereka sendiri. Dengan kata lain, kebanyakan aspek yang menjadi bantahan guru telah dimansuhkan.

Oleh itu, memandangkan semua rungutan guru sudah pun dibuktikan betul dan berdasar, saya ingin bertanya sama ada Kementerian bercadang untuk membatalkan arahan pindah sekolah yang dikenakan ke atas segolongan guru yang tampil menyuarakan rintihan mereka mengenai pelaksanaan PBS, termasuk ketua SGMM, Mohd Nor Izzat Johari yang diberi notis pindahan secara mengejut ke sebuah sekolah luar bandar di Pahang yang terletak 80km dari tempat tinggalnya.

Sekiranya Kementerian serius dalam usaha meningkatkan kualiti guru dan ingin menarik tenaga pengajar yang berdedikasi dan bermotivasi, maka pemangsaan guru harus dihentikan dengan segera.

Penapisan dan pengharaman buku

Tuan yang dipertua,
Penapisan sering menjadi polemik yang membingungkan di negara ini. Hal ini bukan hanya melibatkan penapisan filem dan media massa, malah buku-buku ilmu juga dijadikan mangsa penapisan yang bermotif politik.

Terdapat banyak buku yang diiktiraf kesarjanaannya di peringkat antarabangsa yang diharamkan di Malaysia seperti karya-karya John L Esposito, Karen Armstrong, Fatima Mernissi dan lain-lain lagi. Saya maklum sebahagian daripada idea mereka ini menimbulkan kontroversi, namun pengharaman buku-buku tersebut hanya menghalang masyarakat Malaysia daripada wacana kontemporari dunia.

Yang lebih membingungkan lagi, terdapat buku-buku di mana versi bahasa Inggerisnya boleh dijumpai di rak-rak kedai buku di seluruh negara, namun terjemahan bahasa Melayunya menjadi buku terlarang dalam senarai Kementerian Dalam Negeri. Sebagai contoh, buku *The Origin of Species* (1859) karya Charles Darwin boleh dibeli oleh sesiapa sahaja di mana-mana kedai buku, tetapi *Asal Usul Spesies* (2002) terjemahan F Susilohardo dan Basuki Hernowo pula diharamkan.

Tindakan sebegini bukan sahaja mendiskriminasikan masyarakat Melayu malah memandang rendah terhadap mereka, seolah-olah mereka tidak cukup rasional dan cerdik untuk membaca karya besar dunia berbanding mereka yang mampu berbahasa Inggeris.

Adakah tindakan untuk mengharamkan terjemahan bahasa Melayu bagi buku *Asal Usul Spesies* serta puluhan lebih buku lagi yang serupa nasibnya ini satu tindakan birokrai ataupun berpunca daripada arahan politik? Apa pun jawapannya, ia jelas mencerminkan minda tertawan dalam kalangan kepimpinan negara kita.

Pun begitu, dasar yang dilaksanakan ini tidak konsisten. Sekiranya *Asal Usul Spesies* diharamkan bagi mengelakkannya Melayu keliru dan menganut kefahaman positivisme, lalu mengapakah buku *Du Contrat Social* (1762) oleh Jean-Jacques Rousseau yang diterjemahkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1991 sehingga kini tidak menjadikan Malaysia lebih demokratik dan menghormati doktrin pengasingan kuasa?

Hakikatnya, kebanyakan tamadun dunia berkembang atas usaha penterjemahan. Ini kerana penterjemahan bukan sahaja soal penyalinan kata dalam bahasa yang berbeza tetapi pemindahan serta pengolahan maklumat, ilmu dan pengalaman sejarah sesuatu kebudayaan.

Dalam sejarah Islam, ketika zaman Harun al-Rashid (786-808) apabila



ZAIRIL
Khir
Johari.

Baitul Hikmah giat menjadi pusat penterjemahan karya-karya sarjana Greek seperti Hippocrates, Euclid, Plato, Aristotle, Galen dan lain-lain lagi, umat Islam bukan sahaja tidak terancam malahan telah memperkayakan keilmuan Islam serta melahirkan sarjana Islam yang masyhur seperti Khwarizmi, Jabir Hayyan, Abu Bakr al-Razi, al-Farabi, dan Abu Rayhan al-Biruni yang masing-masing menerbitkan karya yang sangat berpengaruh hasil pengolahan ilmu daripada tamadun Greek.

Sudahlah kita mengharamkan terjemahan buku bahasa asing ke dalam bahasa Melayu, malah buku oleh sarjana tempatan juga amat lemah usaha penterjemahannya. Ambil sebagai contoh buku Syed Hussein Alatas, *Intellectuals in Developing Society* yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris pada tahun 1977. Edisi bahasa Melayu buku tersebut hanya diterbitkan oleh DBP selepas 13 tahun, iaitu pada tahun 1990. Itu pun ia sekadar “penyesuaian” berdasarkan edisi bahasa Indonesia yang diterbitkan terlebih dahulu.

Malaysia mempunyai Institut Terjemahan Negara Malaysia atau kini dikenali sebagai Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) yang ditubuhkan pada tahun 1993. Malangnya, institut ini tidak menumpukan usaha dalam penterjemahan, sebaliknya sejak tahun 2011 lebih giat menerbitkan karya asli yang bertindih dengan fungsi DBP.

Entah kebetulan, ITBM pada tahun yang sama menerbitkan buku YAB Perdana Menteri yang berjudul Perkhidmatan Awam: Meneraju Perubahan, Melangkau Jangkaan dan buku YAB Timbalan Perdana Menteri, *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*.

Cuba bayangkan sekiranya Khalifah Harun al-Rashid menggunakan Baitul Hikmah untuk menerbitkan buku sendiri – adakah zaman baginda akan dikenali sehingga sekarang sebagai zaman kegemilangan keilmuan Islam?

Di sini, saya mengakhiri ucapan saya dengan memetik kata-kata Plato, yang berbunyi: “Kita boleh memaafkan seorang kanak-kanak yang takut kepada kegelapan; tragedi sebenar berlaku apabila orang dewasa takut kepada pencerahan.”

Sekian, terima kasih.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YAB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyew@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Cassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon klee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekhara a/l Autheryphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shappee adunan.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen pkrbkttengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungainpinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAN YB Dr. T. Jayabalanan drjayabalanan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PAS PENANG HQ	(T) 04 - 575 5584
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Ridwan Osman ridwan_wan48@yahoo.com	013-499 5068
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolsan2006@gmail.com	013-580 6981
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhammad hadiputra78@yahoo.com	019-437 2887
PERMATANG BERANGAN Arshad Md. Salleh arshad.salleh@yahoo.com	019-510 2633
SUNGAI DUA Zahadi Mohd. zahadi55@yahoo.com	019-507 3828
TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar yatie/119@yahoo.com.my	019-433 7119
SUNGAI ACHEH Mohammad Razak	013-597 6478
BAYAN LEPAS Asnah Hashim asnagh45@hotmail.my	019-472 6956
PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail tuahismail@yahoo.com	019-570 9500
TELUK BAHANG Dato' Hajji Abdul Halim Hussain abdulhalimhussain@gmail.com	019-480 9599

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS & AMBULANS	999	JPJ	04-656 4131
BOMBA	994	JABATAN PENDAFTARAN	04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103		04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
PENYELAMAT	991		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893		
SEKRETARIAT KERAJAAN	04-262 1957		
NEGERI			
KASTAM	04-262 2300		
IMIGRESEN	04-250 3419		
INFORMASI PENERANGAN	04-643 0373		
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342		
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340		
EPF	04-226 1000		
SOCSO	04-238 9888		

PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

CAP BEFRIENDERS PENANG

JABATAN BURUH PERPUSTAKAAN PP

04-829 4046

04-829 9511

04-281 5161

04-281 1108

04-262 5536

04-229 8555

N1 Penaga : 019 - 409 5922	- Shukri	Bungah : 011 - 12441069	- Hezreen
N2 Bertam : 019 - 593 3736	- Fatimah	N23 Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3 Pinang : 017 - 424 9371	- Tasrin	N24 Kebun Bunga : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4 Permatang Berangan : 019 - 556 4664	- R.M. Reza	N25 Pulau Tikus : 017 - 956 3237	- Quah
N5 Sungai Dua : 013 - 595 6865	- Rosli Man	N26 Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N6 Telok Air Tawar : 019 - 433 7464	- Mat Zahir	N27 Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N7 Sungai Puyu : 012 - 480 5495	- Mr. Lee	N28 KOMTAR : 012 - 423 3227	- Benji Ang
N8 Bagan Jermal : 013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N29 Datok Keramat : 017 - 480 7417	- Varinder Kalvinder
N9 Bagan Dalam : 016 - 473 1963	- Gesan	N30 Sungai Pinang : 04 - 282 6630	- Shuen
N10 Seberang Jaya : 04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander	N31 Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Karuna
N11 Permatang Pasir : 019 - 412 8442	- Kamal	N32 Seri Delima : 019 - 4474362	- Mahen James
N12 Penanti : 04 - 538 2871	- Rosli	N33 Air Itam : 012 - 5242549	- Anne Janet
N13 Berapit : 04 - 538 3871	- Tira	N34 Paya Terubong : 012 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N14 Machang Bubuk : 012 - 474 0964	- Mr. Lim	N35 Batu Uban : 016 - 205 1185	- Frankie Kee
N15 Padang Lalang : 012 - 473 0964	- Yeoh Ee Yee	N36 Pantai Jerejak : 016 - 480 0232	- Jalal
N16 Perai : 04 - 399 6689	- Andrew Chin	N37 Maung : 016 - 487 8602	- Khairul
N17 Bukit Tengah : 013 - 518 8735	- Ikhwan	N38 Bayan Lepas : 016 - 444 3550	- Sathyia
N18 Bukit Tambun : 016 - 404 9120	- Chan	N39 Pulau Betong : 04 - 646 4700	- Aliff / Shamsudin
N19 Jawi : 017 - 378 4448	- Lai	N40 Telok Bahang : 017 - 413 5695	- Amirulzaman
N20 Sungai Bakap : 012 - 456 5018	- Selvi		- Danny Ho
N21 Sungai Acheh : 012 - 542 4454	- Lim Tuan Chun		- Saifullizan
N22 Tanjong : 012 - 465 0021	- G.Dumany		- Zulkiflee
	- Khor		
	- Abdul Halim		
	- Mr. Khor		
	- NorJuliana		
	- Hasbullah		
	- Yaser		
	- Tina		

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2014**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Mohd Shaipol Ismail (DAP)	012 - 552 4791
Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012 - 5619870
Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012 - 422 1133
Tan Chong Hee (DAP)	019 - 411 5598
Tan Chee Teong (DAP)	012 - 401 7718
Michael Tan Cheong Heng (DAP)	012 - 487 3101
P. David Marshel (DAP)	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye (DAP)	012 - 425 2602
M.Satees (DAP)	016 - 438 4767
Chong Pei Pei (DAP)	012 - 476 7729
Ong Eu Leong (PKR)	010 - 770 0508
Rezal Huzairi Md Zaki (PKR)	017 - 409 7702
Abdul Jalil Che Ros (PKR)	013 - 489 3227
Shafiqah Shobha Abdullah (PKR)	016 - 496 1659
Rajasegar a/l Govindasamy (PKR)	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim (PKR)	018 - 576 1622
Zulkiefly Saad (PKR)	013 - 436 2848
Mohd Rizal Abd Hamid (PKR)	012 - 424 3878
Ho Leng Hong (PKR)	017 - 487 2767
Omar Hassan (PAS)	019 - 571 8031
Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019 - 408 4899
Wong Chee Keet (NGO)	012 - 451 1312
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my	04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO)	013 - 414 4822

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2014**

Nama	Telefon
MPPP	04 - 259 2020
Tan Hooi Peng (DAP)	012 - 498 6212
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 428 2250
Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Sukumar a/l Subramaniam (DAP)	019 - 442 2113
Joseph Ng Soon Siang (DAP)	012 - 423 9143
Tan Kim Hooi (DAP)	016 - 438 7855
Lee Chun Kit (DAP)	012 - 519 2152
Mohd Harisuan Jaharudin (DAP)	013 - 379 6019
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Muhammad Sabri Md. Osman (PKR)	013 - 432 0207
Ahmad Azrilal Tahir (PKR)	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam (PKR)	014 - 945 9621
Tan Chiew Choon (PKR)	019 - 470 4499
Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR)	019 - 470 8811
Lim Boon Beng (PKR)	012 - 564 4400
Nur Zarina Zakaria (PKR)	011 - 1578 5098
Izsuree Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Mhd Nasir Yahya (PAS)	012 - 402 6739
Dr. Lim Mah Hui(NGO)	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat (NGO)	016 - 414 3428
Aidi Akhbal Mohd Zainon (NGO)	012 - 464 3004
Mohd Foaz Hamid (NGO)	016 - 422 2225

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:

CHAN LILIAN
LAW SUUNTING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Mei 2014**



1hb Mei
Hari Pekerja

I Thank My Lucky Stars That I Moved to Penang, Malaysia

I'm a very lucky guy to be doing what I'm doing, and there isn't a day that goes by when I don't remind myself of that. Sometimes I say it to my wife, too, but she already knows how lucky we are.

My wife and I moved to the island of Penang in early 2010. A small island—15 miles long and 12 miles wide—on the west coast of Malaysia, Penang, which is connected to the mainland by a six-lane bridge, is just two hours' drive south of Thailand.

When we decided to move I wanted it to be to somewhere exotic—somewhere with great beaches, a low cost of living, and a place where I didn't have to learn another language. Penang ticked all the boxes.

Our cost of living is one third of what it was before, we enjoy average daily temperatures of 82 F year round, and English is widely spoken here.

Even better, when my wife suggested that we move here I knew it would allow me to continue what was quickly becoming my profession.

Before I moved to Malaysia, I was a dive instructor, and before that an investment banker. But what I really wanted to do was write, something that I attempted to do before moving to Penang.

When I started out, I decided to write books on subjects that interested me, because I figured that if they interested me then other people would be interested too. The trouble was I couldn't afford to do it in Australia where I was living before Penang. The first book that I wrote was on scuba diving your way around Australia, a complete traveler's guide, and although it did well, and it's now in its third print, it nearly sent me broke. It was three years of research, of diving and traveling around Australia, and I couldn't work during that time.

Nowadays, I have the time—and the financial freedom—to be a writer.

The second book I wrote—on the abandoned mansions and historic buildings of Penang and the families that built them—is now in its second printing, and last month I finished my latest book titled "Festivals of Malaysia." It will be on the shelves later in the year.

This phenomenon—of having the time and money to do what you really want to in Penang—is something that many expats experience when they move here. I was having coffee in George Town recently with a photographer friend of mine, Howard Tan—a native Penangite—and he hit the nail on the head about why that is. He said that Malaysia is a blank canvas, and when you arrive here you can paint whatever picture you like and become whatever you want to become.

George Town is an artist's city. It's the bohemian and food capital of Malaysia and the more artists that come and stay the more colorful it becomes.

I wouldn't have been able to do any of this if we hadn't made the decision to move to Malaysia when we did. I could have easily stayed where I was and continued working, but life is just way too short. I know that's an overused cliché but it's overused for a reason—life really is too short.

Malaysia is home for me now, and George Town, Penang is a vessel full of inspiration. I have other exciting projects on the boil, projects that I wouldn't have dreamed possible five years ago.

It's been an adventure from the start and the greatest thing about living the way I live, where I live, is that it seems like the adventure will continue for some time to come.

So yeah, I'm a lucky guy, but as I like to say to people: sometimes you have to make your own luck and take a chance on a new adventure.

Moving here was one of the best decisions that we have ever made.





PARA pemain Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang menunjukkan replika cek bernilai RM1 juta hasil sumbangan Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kepada pasukan berkenaan.



EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (dua dari kiri) pada sidang media National Seminar on Environment and Solid Waste Management.



AKSI seorang penari pada Majlis Penutupan Rasmi Festival P. Ramlee 2014.

Kanak-Kanak – Aset Paling Berharga Pulau Pinang

Oleh : **Ooi Ai Lyn,**
Pegawai Projek (Unit Penjagaan Kanak-Kanak), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PWDC)

KANAK-KANAK membentuk satu pertiga daripada penduduk Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengagihkan sumber besar kepada kebimbangan dan kesejahteraan mereka. Pelancaran Dasar dan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-kanak pada 8 Mac 2013 adalah satu langkah yang menggemparkan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil satu langkah tambahan dengan menubuhkan Unit Hak dan Penjagaan Kanak-Kanak di bawah bidang kuasa Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Penubuhan unit ini adalah berdasarkan kepada pengiktirafan bahawa, walaupun statusnya agak maju masih terdapat kanak-kanak apatah lagi kanak-kanak berkeperluan khas yang cenderung kepada bahaya di Pulau Pinang yang mengalami atau menderita akibat kemiskinan, tiada tempat tinggal, penderaan, pengabaian, penyakit yang boleh dicegah, dan ketidaksamaan akses kepada pendidikan dan sistem kehakiman.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengakui bahawa asas kualiti hidup merupakan hak semua kanak-kanak dan bukan satu keistimewaan yang dinikmati oleh beberapa sahaja. Kerajaan Negeri juga menyedari bahawa kanak-kanak mudah terdedah kepada bahaya dan dengan itu mempunyai keperluan khas untuk perlindungan. Inilah sebabnya Kerajaan Negeri melabur dalam memastikan semua kanak-kanak di Pulau Pinang diberikan hak-hak mereka dan menerima kualiti penjagaan yang sewajarnya.

Kumpulan sasaran yang jelas adalah mereka yang mudah terdedah kepada bahaya dan golongan yang mempunyai keperluan yang tinggi di kalangan kanak-kanak - khususnya mereka yang tinggal dalam kemiskinan atau mudah terdedah kepada keganasan, penderaan, pengabaian dan/atau eksloitasi. Selanjutnya, terdapat banyak isu-isu lain yang penting yang memberi kesan kanak-kanak, seperti: kanak-kanak tanpa dokumen, perkahwinan kanak-kanak di bawah

umur, jagaan institusi yang lemah, keganasan terhadap kanak-kanak, kanak-kanak berkeperluan khas, dan lain-lain

Tugas paling utama adalah untuk menjalankan penilaian yang menyeluruh bagi keadaan dan syarat semasa. Tindakan terperinci akan dirangka berdasarkan kepada hasil siasatan.

Sementara itu, usaha untuk meningkatkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di negeri ini telah pun dimajukan. Di sini sekali lagi, penekanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan dan pembangunan sepenuhnya bagi kanak-kanak melalui penyediaan penjagaan kanak-kanak yang selamat, murah, mudah dan berkualiti.

Kepentingan ini diperkuuhkan setiap kali kita membaca laporan akhbar berkenaan kanak-kanak yang menimpa bahaya akibat kecuaian atau ketidakcekcapan pengasuh kanak-kanak. Sebagai pengajaran adalah kes baru-baru ini yang membawa kepada kematian adik-beradik Koay Jia Hong dan Melvin Selvam Yusuf dari Sungai Buloh yang dibunu oleh pembantu rumah mereka. Kes ini bukan sahaja menonjolkan ketidakprihatinan dalam penguatkuasaan terhadap penjagaan kanak-kanak, tetapi juga ketidaksetaraan penjagaan kesihatan mental (mental health care) secara keseluruhan bagi semua pihak yang bermastautin di negara kita.

Untuk sebab ini, penyediaan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kecekapan pembekal penjagaan kanak-kanak adalah papan utama Dasar Penjagaan Kanak-kanak.

Setakat ini, tumpuan PWDC adalah dalam meningkatkan penjagaan di tempat kediaman dengan menyediakan latihan dan pensijilan untuk pengasuh yang menjaga kanak-kanak di rumah mereka. Matlamat jangka panjang adalah ke arah pendaftaran dan merasionalisasikan sektor tempat kediaman.

Sejak tahun 2012, beberapa siri latihan



Senarai nama-nama pemenang boleh disemak di laman sesawang, www.penangmarathon.gov.my.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar : AHMAD ADIL
MUHAMAD

SIFAT jujur dan tekun merupakan intipati kejayaan Pak Latif atau nama sebenar, Abd. Latif Hashim, 57, yang kini bergelar usahawan jeruk berjaya.

Selain menyediakan perkhidmatan kursus memproses jeruk buah-buahan, beliau juga merupakan pemborong dan pembekal bahan-bahan pemrosesan jeruk utama di Cherok To' Kun Atas, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT).

Kepadanya, rahsia utama menghasilkan jeruk berkualiti adalah ketelitian.

“Sukatan perlu betul-betul tepat dan tidak boleh ralik. Ini termasuk tempoh masa nak angkat buah yang direndam,” nyata ringkas kepada skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Sebelum sesi wawancara bermula, Pak Latif menjamu kami dengan jeruk-jeruk dihasilkannya. Malah, skuad Jalan-jalan juga tertarik melihat celoteh isterinya, Hindon Hussin, 51, yang begitu asyik melayan para pelanggan yang singgah membeli.

Kebiasaannya, penulis tidak menggemari jeruk kerana apabila makan akan terbatuk-batuk dan rasa manisnya melekat di dalam tekak.

Namun, bagi melengkapkan sesi wawancara ini, penulis mengambil secebis hirisan mangga untuk dirasa.

Lain daripada yang lain. Ianya sedap, buah segar, makan

Teliti, tekun & jujur intipati kejayaan Pak Latif Jeruk

tidak terbatuk-batuk, kemanisan tidak lekat pada tekak dan ngam-ngam – itulah ungkapan yang dapat diluahkan penulis apabila merasai jeruk Pak Latif.

Mengimbaskan kembali pengalaman 16 tahun Pak Latif dalam bidang tersebut, pelbagai masam manis dilalui beliau bersama isterinya.

Ekoran kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1985-an, Pak Latif yang ketika itu bekerja di sebuah kilang mengambil skim pemberhentian sukarela (VSS).

Dalam dilema mencari peluang kerja baru, seorang tauke yang sebelum ini sering ke rumah Pak Latif mengambil buah pala menawarkan jawatan sebagai pemandu lori di syarikat jeruk beliau.



PREMIS jeruk Pak Latif.



P A K Latif menunjukkan buah kedondong yang ditanam beliau untuk pembuatan jeruk.

“Selama ini, tauke tu selalu datang rumah ambil buah pala. Namun, tidak pernah saya tahu ia adalah untuk membuat jeruk.

“Dalam tempoh dua tahun sebagai pemandu, saya ambil buah-buahan, hantar bekalan jeruk, ambil bahan-bahan kimia bagi pemrosesan jeruk...tapi tak pernah saya tanya atau ingin ambil tahu cara nak buat jeruk sehingga tauke meminta saya mengambil alih disebabkan beliau telah uzur,” ujarnya yang kini dikurniakan dua cahaya mata.

“Tauke minta saya ambil alih tapi dengan satu syarat iaitu saya perlu beli semua peralatan-peralatan miliknya.

“Setelah bersetuju, dalam tempoh seminggu, tauke ‘memperturunkan’ 80 peratus daripada ilmu membuat jeruk beliau. Selebihnya, saya mengambil inisiatif belajar sendiri terutamanya pada aspek sukanan bahan kimia,” jelas Pak Latif.

Pada tahap permulaan, jeruk dihasilkan Pak Latif tidak tahan lama (kurang tempoh sebulan) dan pernah sekali bekalan yang dihantar kepada pelanggan dipulangkan semula.

Malah, pernah juga jeruk bernilai kira-kira RM5,000 hingga RM6,000 yang siap diperam terpaksa dibuang

ekoran tidak menjadi.

“Jeruk yang elok dapat simpan dalam tempoh empat bulan.

“Ketelitian, sukanan bahan kimia dan tempoh masa peraman adalah faktor wajib diambil kira dalam bidang ini,” nyata Pak Latif yang 13 kali mengambil kursus pengendalian bahan kimia berhubung pemrosesan jeruk.

Bermula dengan 100 kilogram, kini jumlah jeruk dihasilkan Pak Latif dalam tempoh sebulan adalah sebanyak 15 tan.

Selain di tempat kelahirannya (Cherok To' Kun), cawangan jeruk paling besar miliknya kini beroperasi di Langkawi, Kedah, Melaka, Taiping, Perak dan Johor Bahru, Johor.

“Saya sudah turunkan cara membuat jeruk kepada anak-anak saya, namun, sehingga kini, mereka (anak-anak) belum betul-betul mahir lagi,” kata Pak Latif yang peramah personalitinya.



JERUK-jeruk yang dijual di premis Cherok To' Kun.

INFO :
Jeruk Pak Latif Enterprise
No. 2395, Cherok
To' Kun Atas,
Bukit Mertajam.
019 – 444 9127



**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.
SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

BIL	NAMA PEMAJU	LOKASI	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	HARGA SEUNIT	HARGA SELEPAS POTONGAN 5%	BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA	PEGAWAI PERHUBUNGAN
1.	Seni Wangsa Sdn. Bhd. 4272 (1st Floor) Jalan Kampung Benggali 12200 Butterworth No. Tel : 04 5384698 No. Fax : 04 5385848	Di Atas Lot 419, Seksyen 2, Jalan Berapit, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Taman Serumpun	Kedai 2 Tingkat Kedai 3 Tingkat Teres 2 Tingkat	RM528,000.00 RM758,000.00 RM388,000.00 - RM500,000.00	RM501,600.00 RM720,000.00 RM368,600.00 - RM475,000.00	2 1 2	Ng Thar Haw
2.	Venn Properties Sdn. Bhd. No. 38, Abu Siti Lane 10400 Pulau Pinang No. Tel : 04 2270766 No. Fax : 04 2289332	Di Atas Lot 389, Mukim F, Lebuh Sungai Burung 3, Balik Pulau, Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	-	Rumah Berkembang 2 Tingkat	RM620,000.00 - RM1,029,000.00	RM589,000.00 - RM977,550.00	2	Naiyaran Luanan Thapong
3.	TPPT Sdn. Bhd. Tingkat 8 & 8, Dataran Kewangan Darul Takaful Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur No. Tel : 03 22742277 No. Fax : 03 22735185	Di Atas Lot 1499 – 1529, Mukim 11 Jalan Teluk Kumbar Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Teluk Kumbar Heights	Kedai Pejabat	RM1,760,000.00 - RM4,566,000.00	RM1,672,000.00 - RM4,337,700.00	3	Khoo May Ling
4.	PLB KH Bina Sdn. Bhd. 1320 Jalan Baru, Taman Chai Leng 13700 Perai Pulau Pinang. No. Tel : 04 3900799 No. Fax : 04 3900599	Di Atas Lot 8272, Mukim 11, Juru, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	PLB Juru Light Industrial Park	Industri Ringan / Kilang Berkembang	RM1,540,100.00 - RM3,426,900.00	RM1,463,095.00 - RM3,255,555.00	3	Azizah binti Abdul Aziz
5.	Adept Development Sdn. Bhd. No. 2 & 3, 1st Floor, Jalan Permatang Gedung Taman Sejati Indah 08000 Sungai Petani Kedah. No. Tel : 04 4316688 No. Fax : 04 4310088	Di Atas Lot 550, Mukim 7, Nibong Tebal Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Ilmu Indah – Fasa 1	Teres 2 Tingkat Kedai Pejabat 2 Tingkat	RM238,000.00 - RM320,000.00 RM418,000.00 - RM566,320.00	RM226,100.00 - RM304,000.00 RM397,100.00 - RM538,004.00	8 1	Azri bin Che Ani
6.	Iconic Development Sdn. Bhd. 70-1-30, D'Piazza Mall Jalan Mahsuri Bandar Bayan Baru 11900 Pulau Pinang No. Tel : 04 6431995 No. Fax : 04 6431777	Di Atas Lot 50106 (Lot Lama 560) Mukim 11, Jalan Icon City Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Pusat Perniagaan Icon City	Kedai Berkembang 3 Tingkat	RM1,650,000.00 - RM4,638,000.00	RM1,567,500.00 - RM4,406,100.00	10	Jason Chung Wei Chiun
7.	Tropical Hill Property Sdn. Bhd. Level 3, Corporate House No.1 Halaman Melaka 10400 Georgetown Pulau Pinang. No. Tel : 04 2263388 No. Fax : 04 2285999	Di Atas Lot 524 & 525, Mukim 11, Jalan Teluk Kumbar, Bayan Lepas Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Pavilion Resort	Pangsapuri Kos Rendah	RM472,640.00 - RM690,021.00	RM449,008.00 - RM655,519.95	21	Loh Hooi Koon
8.	Midas Ceria Sdn. Bhd. Lot 30 Persiaran Relau Bayan Baru 11900 Pulau Pinang No. Tel : 1700 818 932 No. Fax : 04 6467932	Di Atas Lot 12040, Mukim 12, Persiaran Bayan Indah, Sungai Nibong Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Summerton	Komersial Kedai Pejabat	RM309,300.00 - RM1,431,600.00 RM434,004.00 - RM1,598,879.00	RM293,835.00 - RM1,360,000.00 RM412,304.00 - RM1,518,935.00	85 15	Ng Kok Kheng
9.	Zuwen Bina Sdn. Bhd. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11 Taman Kota Permai 14000 Bukit Mertajam No. Tel : 04 5021172 No. Fax : 04 5021171	Di Atas Lot 17710-17739 (Lot Lama 1228) Mukim 14 Jalan Bukit Minyak Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Taman Seri Permai	Rumah Berkembang 2 Tingkat Rumah Berkembang 2 Tingkat	RM425,000.00 - RM456,000.00 RM788,000.00	RM403,750.00 - RM433,200.00 RM748,600.00	11 1	-
10.	Bukit Punchor Dev. Sdn. Bhd. 73A & B Jalan Perai Jaya 3 Bandar Perai Jaya 13600 Perai Pulau Pinang. No. Tel : 04 3901116 No. Fax : 04 3901117	Di Atas Lot PT 4862-4876, Mukim 7, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Bukit Panchor	Rumah Kedai 2 Tingkat	RM498,000.00	RM473,100.00	5	Chen Tai Kwee
11.	Devoteshens Sdn. Bhd. 1-03-04 e-Gate Lebuh Tunku Kudin 2 11700 Gelugor Pulau Pinang. No. Tel : 04 5021172 No. Fax : 04 5021171	Di Atas Lot 570, 806 dan 808, Mukim 11, Jalan Permatang Damar Laut. Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	My Sakura 28	Rumah Berkembang 3 Tingkat	RM1,848,000.00 - RM2,368,000.00	RM1,755,600.00 - RM2,249,600.00	8	Yong Hun Wah
12.	PLB Land Sdn. Bhd. 1320 Jalan Baru, Taman Chai Leng 13700 Perai Pulau Pinang. No. Tel : 04 3900799 No. Fax : 04 3900599	Di Atas Lot 465, Mukim D, Kuala Jalan Baru Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	Prestige III	Rumah Teres 1 Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat Rumah Berkembang 2 Tingkat	RM368,000.00 - RM620,700.00 RM468,000.00 - RM798,000.00 RM598,000.00 - RM1,090,200.00	RM349,600.00 - RM589,665.00 RM444,600.00 - RM758,100.00 RM568,100.00 - RM1,035,690.00	22 53 11	Azizah binti Abdul Aziz
13.	CSY Development Sdn. Bhd. 4695, Jalan Permatang Pauh 13400 Butterworth Pulau Pinang. No. Tel : 04 3236286 No. Fax : 04 323287	Di Atas Lot 17, 793 dan 794, Mukim 4, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Taman Naluri Ria	Rumah Teres 2 Tingkat Rumah Berkembang 3 Tingkat	RM448,000.00 RM528,000.00 - RM639,000.00	RM425,600.00 RM501,600.00 - RM607,050.00	10 6	Fok Chee Seong
14.	Seraimas Bina Sdn. Bhd. 3, 3A & 3B Lebuh Tenggiri 2 Pusat Bandar Seberang Jaya 13700 Perai No. Tel : 04 3989100 No. Fax : 04 3989049	Di Atas Lot 2216, Mukim 12, Juru, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Park View Residences	Jenis A1 & B1 Jenis A2 & B2 Jenis D1 Jenis D2 & E1	RM399,000.00 - RM670,000.00 RM445,000.00 - RM744,000.00 RM889,000.00 - RM983,000.00 RM968,700.00 - RM1,238,000.00	RM379,050.00 - RM636,500.00 RM422,750.00 - RM706,800.00 RM844,550.00 - RM933,850.00 RM920,285.00 - RM1,176,100.00	28 4 2 13	Suraya binti Basir
15.	Palmax Industries Sdn. Bhd. 302-H-1 Jalan Dato Ismail Hashim 11900 Sungai Ara Pulau Pinang. No. Tel : 04 6469022/9023 No. Fax : 04 6448623	Di Atas Lot 200, Mukim 11, Jalan Teluk Kumbar Daerah Barat Daya Pulau Pinang.	D'Zone Condominium	Pangsapuri Kos Sederhana	RM513,800.00 - RM1,251,800.00	RM488,110.00 - RM1,189,210.00	28	Lim Cheok Leng
16.	Pinsit Development Sdn. Bhd. 171, Main Road, 14300 Nibong Tebal Seberang Perai Selatan Pulau Pinang. No. Tel : 04 5931316 No. Fax : 04 5933637	Di Atas Lot 7346, Mukim 14 Jalan Bukit Tambun Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Pusat Perniagaan Tambun Permai	Kedai/Pejabat 3 Tingkat	RM800,000.00 - RM1,350,000.00	RM760,000.00 - RM1,282,500.00	4	Tan Yew Koua
17.	DNP Land Sdn. Bhd. 166-A Jalan Padang Tembak 11400 Air Itam Pulau Pinang. No. Tel : 04 8277111 No. Fax : 04 8286804	Di Atas Lot 1518 dan Sebahagian Lot 399 Mukim 14, Jalan Bukit Minyak Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Taman Bukit Minyak Utama (Fasa 4)	Rumah Teres 2 Tingkat	RM533,000.00 - RM673,800.00	RM506,350.00 - RM640,110.00	9	Desmond Neoh
18.	Amity Excel Sdn. Bhd. No.23, Jalan D.S. Ramarthan 10350 Pulau Pinang No. Tel : 04 2283116 / 2282116	Di Atas Lot 49, 3829, 3901-3904 dan Sebahagian Lot 3755, Mukim 4, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.	Taman Bakap Indah (Fasa 4E)	Rumah Berkembang 2 Tingkat	RM533,275.00 - RM700,709.00	RM506,611.25 - RM665,673.55	2	Kelly Chin Kar Lai
19.	Maltag Sdn. Bhd. No.28, Lorong Maju Pusat Perniagaan Maju Jaya 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang. No. Tel : 03 5377373 No. Fax : 03 5372373	Di Atas Lot 1672, Mukim 15 Lot 1763, 1764, 1765 dan 1766, Mukim 17 Jalan Lebuh Harmoni Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.	Taman Bukit Mertajam Indah	Rumah Berkembang 2 Tingkat Rumah Berkembang 2½ Tingkat Rumah Teres 2 Tingkat Rumah Teres 2½ Tingkat	RM559,000.00 - RM690,000.00 RM659,000.00 - RM826,472.00 RM368,800.00 - RM398,800.00 RM508,800.00 - RM571,327.00	RM531,050.00 - RM665,500.00 RM626,050.00 - RM785,148.40 RM350,360.00 - RM378,860.00 RM483,360.00 - RM542,760.65	15 11 5 5	-

Program zero waste tambah pendapatan penduduk

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERMATANG NIBONG – Kampung Permatang Nibong bakal menjadi projek perintis bagi program *zero waste* di Seberang Perai apabila para penduduk di sini mula menjadikan program itu sebagai aktiviti sosial masing-masing.

Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud berkata, penduduk di sini menjadikan program seumpama itu sebagai aktiviti bermasyarakat berhampiran dengan alat pencerna biogas yang diperoleh pada Januari lalu.

“Setiap malam, ada saja penduduk yang datang ke sini untuk membuang bahan sisa organik bagi dijadikan gas memasak dan melihat kawasan kebun kejiranan.

“Keadaan waktu malam adalah amat meriah apabila ada yang turut memasak sambil menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sesama



PELAWAT meneliti aksesori krafangan yang dihasilkan daripada bahan kitar semula di Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

mereka,” katanya pada satu sesi lawatan ke Tapak Zero Waste di Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang turut memperuntukkan ruang di pejabat dan pusat

khidmatnya untuk memamer serta mempromosikan krafangan daripada koperasi berkenaan.

Menurut Rozali, aktiviti berkenaan wajar dicontohi komuniti dan kawasan perumahan lain kerana di samping bermasyarakat, ia (aktiviti) juga dapat membantu meningkatkan kewangan



SALAH seorang penduduk sedang menyiapkan produk aksesori daripada barang terpakai.

sesebuah komuniti serta individu.

“Program hijau ini telah mula dijalankan di Permatang Nibong pada tahun 2012 dengan projek untuk menjadikan sisa makanan kepada baja kompos bagi kegunaan di kebun kejiranan.

“Penduduk di sini telah berjaya mengumpul sebanyak 4,529 kilogram bahan kitar semula bermula pada bulan Januari tahun lalu (2013) dan duit tersebut digunakan untuk penyelenggaraan masjid,” jelas beliau.

Lanjutan itu, Rozali memberitahu bahawa Koperasi

Perusahaan Hijau Permatang Nibong juga telah ditubuhkan dengan kerjasama penduduk di sini untuk memasarkan barang seperti sabun, bahan pencuci, beg, kantung ditenun dan aksesori diperbuat daripada bahan-bahan boleh dikitar semula.

“Hasil daripada jualan itu akan digunakan untuk membeli alat pencerna biogas bagi setiap isi rumah, sekaligus membantu mereka (penduduk) jimat perbelanjaan gas memasak yang kini harganya kian meningkat,” ujarnya.

Wajib ada tong sampah

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PERAI – Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited dalam usaha memerangi wabak denggi dan pembuangan sampah haram apabila Ops Kompaun yang dijalankan awal April ini akan ditingkatkan menerusi penguatkuasaan serta pemeriksaan secara berkala.

Menurut Ahli Majlis bagi MPSP, M. Satees, langkah itu diambil bagi memastikan penduduk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan berhubung perkara-perkara berkaitan.

Beliau berkata, mana-mana pemilik premis atau penduduk yang tidak memiliki tong sampah akan dikenakan kompaun serta-merta.

“Langkah ini adalah untuk memastikan tiada lagi penduduk atau pemilik premis melonggokkan sampah di merata-rata tempat sekaligus membasmikan tapak pembuangan sampah haram.

“Pemeriksaan akan secara kerap dijalankan untuk memastikan setiap penduduk memiliki tong sampah yang diletakkan di hadapan atau belakang rumah masing-masing,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Tambah Satees, penguatkuasaan tersebut sekaligus akan memudahkan proses kerja kutipan sampah secara berjadual di samping memelihara kesihatan serta kebersihan komuniti di sini.

“Selain menjaga kebersihan sekitar kediaman, ops ini secara tidak langsung dapat memelihara kesihatan dan memastikan pembiakan aedes dapat dikekang dan penyakit bawaan vektor dapat dikawal.

“Pemeriksaan awal mendapat masih ada penduduk yang tidak mempunyai tong sampah sendiri dan bertindak meletakkan sampah di hadapan rumah...diharap mereka dapat mengikut peraturan ini bagi mengelakkan dikompaun,” tegas beliau.

Cabutan bertuah pupuk kesedaran bayar cukai

Oleh: **WATAWA ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Buat julung kali, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengadakan cabutan bertuah bagi menghargai para pembayar cukai taksiran yang telah membuat bayaran masing-masing bagi tempoh setahun di sini.

Daripada jumlah keseluruhan, seramai 19,570 pembayar cukai layak menyertai cabutan bertuah berkenaan dengan melibatkan nilai cukai taksiran sebanyak RM7,143,642.86.

Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye berkata, acara tersebut diadakan bagi menggalakkan para pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan dan efisien.

“Saya amat berharap acara cabutan bertuah ini dapat diteruskan dari tahun ke tahun bagi menggalak serta memupuk kesedaran membayar cukai tepat pada masanya,” ujarnya pada Majlis Cabutan 10 Nombor Bertuah Cukai Taksiran di sini baru-baru ini.

Sebanyak 112 hadiah ditawarkan dengan hadiah utama berupa televisyen LCD.



IR. ANG AING THYE (kiri sekali) membuat cabutan pada Majlis Cabutan 10 Nombor Bertuah Cukai Taksiran di sini baru-baru ini.

Senarai nama pemenang boleh disemak melalui laman web, www.mppp.gov.my.

Mengulas lanjut, Aing Thye berharap pembayar-pembayar cukai yang mempunyai tunggakan supaya tampil menjelaskan cukai masing-masing bagi mengelakkan sebarang tindakan lanjut daripada MPPP.

“Seperti diketahui semua pihak, cukai Taksiran merupakan salah satu sumber pendapatan utama sebuah kerajaan tempatan bagi melaksanakan pembangunan serta menaiktaraf prasarana-prasarana demi kesejahteraan rakyat,” nyata beliau.

MPSP fokus kurang perbelanjaan utiliti - YDP

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Cabaran utama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tahun ini adalah untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan ekoran kenaikan tarif elektrik yang secara tidak langsung menyebabkan peningkatan kos perbelanjaan utiliti yang dianggarkan bertambah sebanyak 16.4 peratus iaitu kepada RM12.3 juta tahun ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP buat pertama kalinya bagi tahun 2014 di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, perbelanjaan anggaran bagi tahun ini adalah berjumlah RM233.5 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM206.09 juta.

“Dengan kenaikan kos-kos utiliti bagi



MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, bertudung) bergambar kenangan dengan para kakitangan MPSP sejurus selepas selesai Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.

tahun ini (2014), MPSP menganggarkan bajet defisit berjumlah RM27.41 juta secara keseluruhannya.

“Justeru, MPSP telah mengambil langkah permulaan dengan menetapkan penjimatan sebanyak lima peratus untuk kos utiliti di samping mensasarkan perolehan Pensijilan Quality Management System (EnMS) pada Julai ini dan Pensijilan Quality Environment (QE/5S) pada September tahun ini,” katanya di

hadapan kira-kira 1,000 kakitangan MPSP di sini.

Tambah Maimunah, MPSP menganggarkan hasil terkumpul sebanyak RM206 juta iaitu tambahan RM7 juta pada tahun ini, berbanding RM199.8 juta pada tahun 2013.

Nyatanya, bagi mencapai matlamat bagi menjadikan Seberang Perai selesa didiami dan tarikan pelaburan serta pelancongan menjelang 2018, sebanyak sembilan fokus

telah dirancang sejajar dengan slogan Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat Kerajaan Negeri.

“Sembilan fokus yang dirancang adalah meliputi kebersihan, keselamatan dan lalulintas, penguatkuasaan undang-undang, kawalan banjir, pengindahan, kehijauan dan kemudahan awam, penglibatan komuniti, pembinaan kapasiti, pengurusan fiskal serta kecekapan proses kerja,” ujar beliau.

MPPP rampas objek di petak parkir sah

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Adalah menjadi kesalahan bagi pihak ketiga meletakkan sebarang objek atau ‘penanda’ di petak-petak parkir milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengerusi Gantian Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam yang juga Ahli Majlis MPPP, Dr. Tan Kim Hooi ketika mengadakan Operasi Halangan Parkir baru-baru ini.

Katanya, pihak berkuasa iaitu MPPP berhak memindahkan objek-objek yang didapat menjadi halangan dan merampas ia. Individu yang didapat bertanggungjawab bakal dikenakan denda RM30 bagi setiap barang dirampas.

“Ini adalah satu kesalahan!

“Petak-petak parkir tersebut adalah kepunyaan MPPP, sesiapa sahaja termasuk pemilik premis berhampiran tidak berhak meletakkan atau mendirikan halangan bagi menghalang sesebuah kenderaan daripada menggunakan ruang di situ,” tegasnya di sini baru-baru ini.

Pada operasi berkenaan, kira-kira 25 peniaga di sekitar Lebuh Cecil, Little India dan Jalan Anson telah diberikan amaran bertulis dan direkodkan kesalahan hasil operasi yang dijalankan.



TAN Kim Hooi (kanan sekali) meninjau Operasi Halangan Parkir yang dijalankan di Lebuh Pasar di sini baru-baru ini.

Bagi kesalahan sama, MPPP berhak mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Seksyen 46(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dengan bakal dikenakan penalti RM500.

Kim Hooi memberitahu, operasi tersebut dijalankan ekoran kejadian tersebut dilihat semakin berleluasa hingga menyukarkan orang ramai meletakkan kenderaan di petak-petak parkir sah milik MPPP.

Justeru, sebagai langkah pencegahan, para pengguna dinasihatkan supaya membuat laporan kepada MPPP sekiranya didapati terdapat mana-mana peniaga yang menghalang mereka daripada berbuat demikian.

Sebarang aduan emailkan kepada *aduan@mppp.gov.my* atau talian hotline 24 jam 04 – 263 07637/04 - 236 7000 atau layari laman sesawang *facebook : Mppp Watch*.

CFAL 2014 – kempen berterusan laluan basikal

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN

– Pengajuran program *Campaign For A Lane* (CFAL) 2014 memasuki tahun ke-6 dengan objektif untuk terus mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna jalanraya supaya bersama-sama ‘menjaga’ keselamatan penunggang-penunggang basikal di sini.

Pengerusi Pengajuran CFAL 2014, Kenny Theng berkata, pada tahun ini, acara tersebut bakal berlangsung pada 17 Ogos ini dengan sasaran penyertaan seramai 4,000 peserta.

Mengulas lanjut, Kenny memberitahu bahawa sejarah pengajuran acara berkenaan adalah apabila beliau bersama-sama rakan-rakan yang menunggang basikal mendapati bahawa aktiviti sukan berkenaan adalah bahaya ekoran terpaksa berkongsi lorong dengan kenderaan bermotor.

“Justru, saya bertekad untuk menjayakan satu kempen bagi menjaga keselamatan para penunggang basikal di sini,” katanya pada sidang media pengumuman program CFAL 2014 di sini baru-baru ini.

Hasil pengajuran dan kempen berterusan sebelum ini, pelbagai inisiatif telah diambil dan diimplementasikan Kerajaan Negeri, pihak berkuasa



KENNY Theng (lima dari kiri) memegang salah sebuah basikal bernilai RM11,000 yang menjadi rebutan para peserta yang bertuah dalam pengajuran CFAL 2014 di sini baru-baur ini.

tenpatan (PBT) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antaranya, trek basikal di jajaran pusat membeli-belah, *Queensbay Mall* dan simbol basikal bewarna putih yang ‘ditandakan’ di atas laluan-laluan tertentu di sini.

Lanjutan itu, Kenny berharap supaya trek basikal di jajaran *Queensbay Mall* dapat dilengkapkan hingga ke George Town.

Mengulas lanjut, sebagaimana pengajuran tahun-tahun lalu, kayuhan akan dimulakan di Padang Kota lama di sini tepat jam 7 pagi mengelilingi pulau melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu – Batu Maung - Teluk Kumbar - Balik Pulau - Teluk Bahang - Tanjung Bunga dan berakhir di Padang Kota Lama meliputi jarak keseluruhan 82 kilometer.

Malah, sebagai tambahan, dua hadiah cabutan bertuah utama berupa basikal bernilai RM11,000 turut menanti para peserta program.

Gelanggang bola keranjang Lebuh Acheh capai tahap antarabangsa

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN - Hampir 12 pasukan berentap pada Pertandingan Bola Keranjang 5 on 5 yang julung kalinya diadakan dekat gelanggang bola keranjang Lebuh Acheh di sini baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Kolam bersama-sama Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng tersebut cuba menampilkan kelainan dengan suasana persekitaran

gelanggang yang unik dan cantik.

Lai Heng berkata, gelanggang tersebut adalah pentas dan peluang kepada para pemain bola keranjang di Pulau Pinang.

“Dengan peruntukan hampir RM100,000, gelanggang ini dibina mengikut saiz piawaian yang memenuhi tahap pertandingan bertaraf antarabangsa.

“Bagi menjadikannya lebih unik, papan jaringan tidak dipasang secara statik atau tetap, sebaliknya ia boleh digerak mengikut keperluan semasa.

“Saya percaya bahawa ini adalah satu-satunya gelanggang

terbuka di Pulau Pinang yang mempunyai keistimewaan berkenaan,” ujarnya pada Majlis Perasmian Gelanggang Bola Keranjang dan Pertandingan Bola Keranjang 5 on 5 di Lebuh Acheh baru-baru ini di sini.

Hadir sama, Pengurus JKKK Kampung Kolam, Quah Peng Eow, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Tay Leong Seng dan S. Sukumar.

Pada pertandingan tersebut, kumpulan Syeders dinobatkan sebagai Juara dengan menewaskan pasukan Han Chiang dengan jaringan gol sebanyak 14-12.



AHLI-ahli pasukan Syeders menunjukkan pingat kemenangan masing-masing selepas muncul Juara Pertandingan Bola Keranjang 5 on 5 di sini baru-baru ini.

Tempat ketiga dan keempat masing-masing milik pasukan Suzaku dan Heng Ee.

Tambah Lai Heng, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha melaksanakan pembangunan menyeluruh bagi

mempertingkatkan ekonomi setempat ke tahap yang lebih tinggi.

Gelanggang dibuka secara percuma. Sebarang tempahan sila hubungi JKKK Kampung Kolam di talian 019-4474863.

Pelajar terima cermin mata percuma

Oleh: AHMAD ADIL MUHAMAD

MACHANG BUBUK - Sebanyak 66 pasang cermin mata diedarkan secara percuma kepada para pelajar sekolah rendah dalam Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk susulan program pemeriksaan kesihatan mata pada 2 Mac lepas di sini baru-baru ini.

Program anjuran Pejabat Ahli Parlimen Bukit Mertajam tersebut adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran penjagaan mata kepada penduduk setempat khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Ahli Parlimennya, Steven Sim Chee Keong berkata, kawasan tersebut dipilih ekoran kesedaran penjagaan mata dalam kalangan penduduk yang didapati masih rendah.

“Walaupun ada penduduk yang mampu membuat cermin mata sendiri untuk anak-anak, tetapi kesedaran mengenai penjagaan mata masih lagi kurang,” katanya pada Majlis Sumbangan Cermin Mata Percuma Kepada Pelajar-pelajar Sekolah Rendah di

sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon turut hadir pada program tersebut.

Tambah Chee Keong, penjagaan kesihatan mata adalah amat penting terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang bersekolah.

“Terdapat juga murid-murid yang tidak mengetahui bahawa mereka mengalami masalah kesihatan mata yang secara tidak langsung menjelaskan pembelajaran masing-masing.

“Justeru, melalui pelaksanaan program ini, diharap dapat memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan guru akan kepentingan menjaga kesihatan mata di peringkat awal,” tegas beliau.

Chee Keong memberitahu, program seumpama itu akan diteruskan dari semasa ke semasa di setiap tiga KADUN di bawah Parlimennya tahun ini.

“Program di Machang Bubuk ini merupakan anjuran pertama sebelum dijalankan di Berapit dan Padang Lalang kelak.

“Kita akan memberikan lebih tumpuan kepada program kesejahteraan rakyat seumpama ini dan mengurangkan aktiviti-aktiviti bersuka ria,” akhiri beliau.

STEVEN Sim Chee Keong (kanan sekali) memakaikan cermin mata kepada salah seorang pelajar sambil diperhatikan Lee Khai Loon (tengah) pada Majlis Sumbangan Cermin Mata Percuma Kepada Pelajar-pelajar Sekolah Rendah di sini baru-baru ini.



Ibu lumpuh dapat kerusi roda

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

KEBUN BUNGA - Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Akibat serangan angin ahmar, seorang suri rumah terjatuh dari kerusi didudukinya lalu lumpuh di sebelah kaki kirinya.

Prihatin dengan nasib menimpa suri rumah, Wan Zaharah Nor, 52, berkenaan, Ahli Parlimen Bukit Bendera tampil menyempurnakan majlis penyampaian bantuan berupa sebuah kerusi roda dekat kediamannya di Blok J, Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Bagi Wan Zaharah, beliau amat berbesar hati dengan pemberian kerusi roda yang bakal memudahkan pergerakkannya sejak lumpuh kaki kiri tujuh bulan lalu.

“Ketika saya mendapatkan rawatan di Hospital Besar Pulau Pinang (HPP) tahun lalu, doktor mengesahkan bahawa saya mengalami angin ahmar yang tidak serius, namun selepas itu, saya merasakan badan terlalu lemah hingga terjatuh dari kerusi sebelum kaki kiri mengalami masalah lumpuh.

“Selain lumpuh, saya turut menghidap kencing manis, darah pekat dan kolestrol tinggi,” ujarnya yang dikurniakan tiga cahaya mata kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Suaminya, Harun Hamid, 51, merupakan seorang pengawal keselamatan di sebuah kolej swasta di sini.

Anak sulung beliau, Siti Ayuni Harun kini sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang fesyen, kedua, Mohd Syazli, Universiti Sultan Zainal Abidin (USZA) Terengganu, jurusan perubatan, anak bongsu, Siti Shamimi, pelajar Tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan



ZAIRIL Khir Johari (kiri) menyampaikan kerusi roda kepada Wan Zaharah Nor di Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.

(Perempuan) St George's yang merupakan sekolah kluster.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen berkenaan, Zairil Khir Johari menyatakan bahawa pusat khidmatnya akan berusaha mendapatkan peralatan ataupun barang diperlukan bagi membantu golongan memerlukan di kawasannya.

“Contohnya, kerusi roda bernilai RM300 yang disumbangkan ini (kepada Wan Zaharah) merupakan hasil sumbangan komuniti di situ sendiri.

“Malah, dalam kes sebelum ini, iaitu membabitkan dua beradik cemerlang dalam bidang akademik, hasil sumbangan pihak-pihak tertentu, kami (pusat khidmat) berjaya menyampaikan sebuah komputer bagi membantu pelajaran kedua-dua mereka yang berasal dari keluarga kurang mampu,” jelas beliau.

Dapatkan *abate* musnah jentik-jentik - Exco

Oleh **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

PULAU BETONG – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru masyarakat di sini supaya bersama-sama memerangi wabak denggi ekoran catatan jumlah kes yang tinggi di negeri ini.

“Kalau boleh, kita luangkan masa atau gotong-royong bersihkan kawasan persekitaran kediaman bagi mengelakkan denggi melanda.

“Masyarakat tidak harus mementingkan diri semata-mata dengan membersihkan kawasan sendiri kerana kerana pada jarak jauh pun, nyamuk masih mampu



DR. Afif Bahardin (depan, dua dari kiri) dan Aidi Akbal Mohamed Zainon (depan, kanan sekali) menunjukkan tanda bagus sambil bergambar kenangan bersama-sama para penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Bantuan Zakat di sini baru-baru ini.

terbang untuk gigit kita,” katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Zakat di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pulau

Betong di sini baru-baru ini. Penyampaian sumbangan tersebut adalah membabitkan 35 keluarga kurang mampu di sini.

Turut hadir, Ahli Majlis

Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Aidi Akbal Mohamed Zainon.

Afif dalam pada itu menyeru masyarakat di sini supaya ke pusat kesihatan

berdekatan bagi mendapatkan *abate* iaitu sejenis ubat memusnahkan jentik-jentik bagi mengelakkan nyamuk daripada bertelur di dalam takungan air.

Mekanism pasukan bencana Penang Sihat masih diperhalusi

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, memberitahu bahawa rancangan melahirkan pasukan bencana melalui program Jelajah Penang Sihat masih diperhalusi di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program jelajah kali keempat di Seberang Jaya anjuran portfolionya dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM), Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) di sini baru-baru ini.

Afif berkata, NGO, Malaysian Medical Association (MMA) Pulau Pinang turut menunjukkan minat untuk menubuhkan pasukan bencana berkenaan.

“Baru-baru ini pihak MMA ada menghubungi pihak berkaitan bagi berbincang dan bekerjasama bagi menubuhkan pasukan bencana di negeri ini.

“Walaupun kita sudah bersedia dengan staf perubatan dan doktor, tetapi mekanisma untuk menjalankan pasukan ini masih diperhalusi sebelum boleh dilancarkan sepenuhnya,” jelas beliau.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menambah, penubuhan pasukan bencana tersebut bakal memberikan bantuan kecemasan bukan sahaja



SALAH seorang penduduk sedang mendapatkan pemeriksaan kesihatan percuma pada program Jelajah Penang Sihat di sini baru-baru ini.

kepada negeri ini, malah kepada negeri-negeri lain di luar Pulau Pinang.

Mengulas lanjut mengenai program Jelajah Penang Sihat, Afif berkata, ia merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Negeri untuk menjaga kesihatan serta kesejahteraan rakyat di sini.

“Program ini diharap dapat merapatkan hubungan antara Kerajaan Negeri dengan rakyat khususnya di kawasan desa dan taman perumahan.

“Inisiatif seumpama ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat kebajikan dan kesihatan rakyat yang kurang berkemampuan dan kurang peka dengan tahap kesihatan masing-masing,” ujar beliau.

Program jelajah terbabit akan terus diadakan pada setiap bulan di setiap kawasan negeri ini dan bakal bertemu penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk Mei ini.

SENARAI KOMPLEKS TIDAK AKTIF MPSP YANG BELUM DISEWA (SEHINGGA 10 DISEMBER 2013)

SPU

BIL	KOMPLEKS	BILANGAN UNIT	BIL.UNIT TELAH DISEWA	BIL. UNIT KOSONG
1	Lorong Sungai Lokan 3/2	10	0	10
2	Kompleks Lorong Sg. Lokan 5	20	0	20

SPT

BIL	KOMPLEKS	BILANGAN UNIT	BIL.UNIT TELAH DISEWA	BIL. UNIT KOSONG
1	Kompleks Taman Bidara	22	0	22
2	Kompleks Taman Jambu	7	0	7
3	Taman Teguh, Pmtg Tinggi	15	0	15
4	Jalan Usahajaya	24	0	24
5	Taman Permai Jaya	12	0	12
6	Jalan Pala 4, Pmtg. Tinggi	24	16	8
7	Taman Seri Arowana	6	0	6

SPS

BIL	KOMPLEKS	BILANGAN UNIT	BIL.UNIT TELAH DISEWA	BIL. UNIT KOSONG
1	Taman Nafiri, Sg. Bakap	11	0	11
2	Taman Serunai, Bkt. Panchor	14	0	14
3	Pasar Taman Jawi Jaya	14	0	14
4	Pasar Tambun Indah	17	0	17

*Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hadir ke Ibu pejabat MPSP Bandar Perda atau berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pelesenan Mpsp di talian 04-5497678/685/843/844/675



Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi

Sila Jawab Soalan :

1 - Namakan Jambatan Kedua Pulau Pinang, ukuran panjang dan bila ia dibuka untuk umum?

2 - Bilakah George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?

3 - Namakan Ketua Menteri Pulau Pinang Ke-2 dan tempoh tarikh perkhidmatannya?

Sumber: Internet

Sila isi butiran berikut:

- Nama: _____
 - Kad Pengenalan: _____
 - Alamat: _____
 - No. Telefon : (Rumah) _____
(Bimbbit) _____
 - Emel: _____
- Termasuk Syarat Peraduan:
1. Peraduan dibuka kepada semua.
 2. Bulatkan 9 objek tersembunyi dengan pen berwarna **MERAH** sahaja & jawab **3** soalan di atas.
 3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
 4. Peserta boleh menghantarkan **SATU** penyertaan sahaja.
 5. Keputusan pengadil adalah mutlak.
 6. Hanya penyertaan lengkap bakal dijadili.
 7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajar adalah tidak sah.
 8. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 14 Mei 2014.
 9. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-650 5564 / 5256 / 5704.
 10. Alamatkan semua lorang penyertaan kepada :
Buletin Mutiara, Kenali Pulau Pinang - Peraduan Cari Benda Tersembunyi,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiyah Utama
RM 500**